



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG

SIRI 1



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG

SIRI 1

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	PEJABAT TANAH DAN GALIAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH TIMUR LAUT PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH Pengurusan Pemberimilikan Tanah
17	PEJABAT TANAH DAN GALIAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI SELATAN Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan
30	UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI Pengurusan Program Kebajikan Rakyat
49	PENUTUP




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 6 Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 7 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

23 Februari 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. PEJABAT TANAH DAN GALIAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH TIMUR LAUT

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH

- Pengurusan Pemberimilikan Tanah

1.1. Pemberimilikan tanah adalah satu daripada beberapa cara pelupusan yang boleh dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Semua tanah yang terletak di dalam sempadan sesuatu Negeri adalah hak PBN. Pemberimilikan tanah oleh PBN hanya boleh dibuat sekiranya tanah itu adalah tanah Kerajaan. Asas pemberimilikan ialah, apabila hak milik didaftarkan, hak ke atas tanah tersebut dipindahkan daripada PBN kepada orang atau badan yang dinyatakan di dalam hak milik itu, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Menurut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN), pemberimilikan tanah bermaksud pelupusan tanah Negeri oleh PBN untuk selama-lamanya atau untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun. Permohonan pemberimilikan tanah diterima daripada individu, syarikat, persatuan, jabatan atau agensi Kerajaan. PBN semasa meluluskan pemberimilikan akan menentukan beberapa perkara seperti keluasan tanah, tempoh pegangan tanah, jenis hak milik, kadar cukai tanah, kadar premium dan syarat nyata serta sekatan kepentingannya. Setiap permohonan pemberimilikan yang diluluskan oleh PBN perlu menjelaskan bayaran cukai tanah tahun pertama, premium, bayaran ukur, pelan, tanda sempadan dan bayaran pendaftaran Hak Milik Sementara dan Hak Milik Muktamad. Premium tanah yang dikutip untuk pemberimilikan tanah bagi tahun 2009 hingga 2013 di Pulau Pinang adalah sejumlah RM578.42 juta. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013, sebanyak 229 bilangan permohonan telah diterima daripada agensi di Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah.

1.2. Pada amnya pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos hingga Oktober 2014 mendapati tahap pengurusan pemberimilikan tanah adalah memuaskan di mana Pejabat Daerah Dan Tanah mematuhi tempoh proses permohonan sehingga penyediaan Kertas Cadangan Jawatankuasa Tanah Negeri. Bagaimanapun kelemahan seperti di bawah perlu dibuat penambahbaikan, antaranya:

- Tapak tanah yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan telah dipindah milik tanpa persetujuan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian.
- Pengeluaran Borang 5A mengambil masa antara 7 hingga 165 hari manakala Pendaftaran hak milik mengambil masa antara 31 hingga 419 hari dan Hak Milik Muktamad belum didaftarkan sejak tahun 2009.

- Caj premium yang dikenakan berbeza dengan kelulusan PBN dan Bayaran Khas salah caj.
- Perbezaan maklumat antara surat kelulusan dan Hak Milik Sementara.

1.3. Bagi memastikan pengurusan pemberimilikan tanah telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, Pejabat Tanah Dan Galian, Pejabat-pejabat Daerah Dan Tanah adalah disyorkan supaya langkah-langkah berikut diambil untuk penambahbaikan:

1.3.1. Memastikan Laporan Tanah yang disediakan adalah lengkap dan terperinci supaya status tanah dapat dikenal pasti dengan tepat.

1.3.2. Memastikan pengeluaran Borang 5A dan pendaftaran hak milik dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

1.3.3. Memastikan kadar premium dan bayaran khas yang dikenakan adalah betul supaya tiada kekurangan hasil di pihak Kerajaan dan memastikan maklumat dalam hak milik yang dikeluarkan adalah sama dengan kelulusan yang diberikan.

2. PEJABAT TANAH DAN GALIAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI SELATAN

- Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan

2.1. Menurut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, bahan batuan bermaksud apa-apa batuan, batu, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit biasa, tanah gembur, tanah liat biasa, tanah lumpur, tanah rumput, gambur, karang, cengkerang dan apa-apa bahan batuan lain di dalam atau di atas mana-mana tanah, dan termasuk bahan-bahan yang diproses darinya. Bagi aktiviti-aktiviti pengeluaran bahan batuan Seksyen 70, KTN menyatakan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh membenarkan pencabutan, pemindahan dan pengangkutan apa-apa bahan batuan dari tanah Kerajaan, tanah beri milik, tanah lombong dan tanah rizab. Seksyen 71, KTN pula menerangkan PBN boleh mengeluarkan permit-permit untuk mencabut, memindah dan mengangkut bahan batuan dari tanah Kerajaan, tanah beri milik, tanah lombong dan tanah rizab. Seksyen 70 dan 71, KTN tidak terpakai kepada tanah yang tertakluk kepada Jadual Ketiga KTN (Hak milik Pulau Pinang dan Melaka), 1963 (Akta 518) iaitu tanah berstatus “First Grade”. Individu atau syarikat boleh memohon permit untuk tujuan mengeluarkan bahan batuan melalui Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) di kawasan berkenaan. Hasil daripada pengeluaran permit, Pentadbir Tanah (PT) akan mengutip royalti mengikut kadar, kaedah dan pengiraan yang ditetapkan oleh Kaedah-kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang 2005 dan Kaedah-kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2013.

2.2. Objektif pengeluaran bahan batuan adalah untuk mewujudkan sistem pengurusan dan pentadbiran tanah yang berkualiti, cekap dan berkesan serta menyediakan urusan dan perkhidmatan tanah yang unggul dan cemerlang melalui perancangan, pelaksanaan, penyeliaan, pematuhan ke atas undang-undang dan peraturan tanah.

2.3. Royalti bahan batuan dikutip bagi pengeluaran bahan batuan di atas tanah Kerajaan melibatkan Permit 4B dan tanah beri milik melibatkan Permit 4C. Bagi tempoh 2010 hingga bulan Julai 2014, PBN telah meluluskan sebanyak 11 Permit 4B dan 26 Permit 4C dan sejumlah RM20.25 juta royalti bahan batuan telah dikutip bagi seluruh Negeri Pulau Pinang. Jumlah permit 4B/4C yang diluluskan bagi tempoh tersebut adalah termasuk kes-kes permohonan yang dipohon pada tahun-tahun sebelumnya. Secara puratanya bayaran permit dan royalti bahan batuan yang dikutip bagi tempoh tersebut telah menyumbang sebanyak 3.7% daripada jumlah hasil tanah berjumlah RM546.59 juta.

2.4. Pada amnya pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2014 mendapati tahap pengurusan pengeluaran bahan batuan adalah memuaskan dari segi pematuhan kepada syarat-syarat pengoperasian di tapak kuari dan kutipan deposit untuk pengeluaran permit 4B dan 4C. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Pengeluaran dan pemindahan bahan batuan tanpa permit.
- Kutipan royalti tidak mengikut kadar yang diwartakan dan formula yang ditetapkan.
- Kelewatan menjelaskan royalti.
- Kelulusan memperbaharui permit lewat dikeluarkan.
- Pencemaran udara dan bunyi serta keselamatan penduduk di sekitar kuari.

2.5. Bagi memastikan Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, PTG dan PDT disyorkan supaya mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1. Meningkatkan penguatkuasaan dan mengenakan denda kepada pengusaha kuari yang beroperasi tanpa permit. Memberhentikan operasi kuari secara muktamad di Kampung Masjid Batu Kawan bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin.

2.5.2. Memastikan pengiraan royalti yang dikenakan mengikut kadar dan formula yang diluluskan serta kekurangan royalti bahan batuan berjumlah RM7.46 juta dan denda hendaklah dikutip semula.

3. UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI
- **Pengurusan Program Kebajikan Rakyat**

3.1. Program Kebajikan Rakyat adalah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara berperingkat mulai tahun 2009 bertujuan untuk memberi sumbangan dan bantuan kepada golongan sasaran yang ditetapkan. Terdapat 6 program yang diwujudkan iaitu Penghargaan Warga Emas, Bantuan Ibu Tunggal, Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU), Sumbangan Anak Emas, Skim Pelajar Emas dan Bantuan Ibu Emas. Syarat utama yang ditetapkan bagi penerima sumbangan adalah pemohon berdaftar sebagai pengundi di Pulau Pinang kecuali Skim Pelajar Emas diberi kepada pelajar yang bersekolah di Pulau Pinang. Selain itu, bayaran pengurusan jenazah secara sekali bayar (*one off*) turut diberi kepada waris bagi program Penghargaan Warga Emas, Bantuan Ibu Tunggal dan Bantuan OKU sekiranya berlaku kematian. Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar telah diberi mandat bagi merealisasikan aspirasi pelaksanaan Program Kebajikan Rakyat. Manakala Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang (UPEN) diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri bagi menyelaras pelaksanaan program. Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT), Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Pejabat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang (JKM) berperanan sebagai agensi pelaksana bagi melaksanakan program. UPEN melalui Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri (PTMKN) telah membangunkan sistem *i-Sejahtera* secara *in house* bagi melancarkan pelaksanaan program. Sistem ini digunakan bagi tujuan pendaftaran permohonan dan pembayaran sumbangan. Selain itu, UPEN telah mengeluarkan Garis Panduan Program-program Kebajikan *i-Sejahtera* sebagai panduan kepada agensi pelaksana. Sehingga bulan Oktober 2014, bilangan permohonan yang didaftarkan bagi 6 program tersebut adalah seramai 438,579 orang. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM28 juta pada tahun 2012 dan RM31.46 juta pada tahun 2013. Manakala jumlah perbelanjaan sehingga bulan Oktober 2014 adalah RM29.89 juta.

3.2. Secara keseluruhannya Program Kebajikan Rakyat telah menepati objektifnya namun pelaksanaan program adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Kelewatan dalam mendaftar dan mengesah permohonan serta mengemas kini maklumat pembayaran sumbangan dalam sistem *i-Sejahtera*.
- Kawalan penyimpanan dan pengendalian wang tunai kurang memuaskan.
- Baki wang sumbangan yang tidak dapat diagihkan lewat diakaunkan ke Akaun Kerajaan Negeri.
- Pemantauan oleh UPEN terhadap pelaksanaan program kurang memuaskan.

3.3. Bagi memastikan pengurusan Program Kebajikan Rakyat dapat dipertingkatkan adalah disyorkan UPEN dan PDT mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Menambahbaik Garis Panduan Program-program Kebajikan i-Sejahtera daripada aspek permohonan, pendaftaran, pembayaran, keselamatan wang tunai serta pengembalian wang sumbangan yang tidak dapat diagihkan. Pendaftaran permohonan perlu dibuat dengan segera supaya pemohon juga mendapat manfaat dengan segera.

3.3.2. Meningkatkan kawalan keselamatan terhadap penyimpanan dan pengendalian wang tunai semasa pembayaran dan selepas pembayaran dibuat.



**AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

PEJABAT TANAH DAN GALIAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH TIMUR LAUT
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH

1. PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pemberimilikan tanah adalah satu daripada beberapa cara pelupusan yang boleh dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Semua tanah yang terletak di dalam sempadan sesuatu Negeri adalah hak PBN. Pemberimilikan tanah oleh PBN hanya boleh dibuat sekiranya tanah itu adalah tanah Kerajaan. Asas pemberimilikan ialah apabila hak milik didaftarkan, hak ke atas tanah tersebut dipindahkan daripada PBN kepada orang atau badan yang dinyatakan di dalam hak milik itu, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Menurut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN), pemberimilikan tanah bermaksud pelupusan tanah Negeri oleh PBN untuk selama-lamanya atau untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun. Permohonan pemberimilikan tanah diterima daripada individu, syarikat, persatuan, jabatan atau agensi Kerajaan. PBN semasa meluluskan pemberimilikan akan menentukan beberapa perkara seperti keluasan tanah, tempoh pegangan tanah, jenis hak milik, kadar cukai tanah, kadar premium dan syarat nyata serta sekatan kepentingannya.

1.1.2. Setiap permohonan pemberimilikan yang diluluskan oleh PBN perlu menjelaskan bayaran cukai tanah tahun pertama, premium, bayaran ukur, pelan, tanda sempadan dan bayaran pendaftaran Hak Milik Sementara dan Hak Milik Muktamad. Premium tanah yang dikutip untuk pemberimilikan tanah bagi tahun 2009 hingga 2013 di Pulau Pinang adalah sejumlah RM578.42 juta. Bilangan permohonan yang diterima daripada agensi di Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDL) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Seberang Perai Tengah (PDTSPT) seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Bilangan Permohonan Pemberimilikan Tanah Daripada Agensi
Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2013

Tahun	Bilangan Permohonan		
	PDTDL	PDTSPT	Jumlah
2009	13	15	28
2010	16	32	48
2011	12	29	41
2012	11	55	66
2013	23	23	46
Jumlah	75	154	229

Sumber: PDTDL Dan PDTSPT

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pemberimilikan tanah diuruskan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang berkuat kuasa. Selain itu sama ada tanah Kerajaan Negeri yang diberi kepada agensi telah digunakan dan dibangunkan untuk tujuan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi proses permohonan pemberimilikan tanah sehingga pengeluaran hak milik di Pejabat Tanah Dan Galian (PTG), Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan pengurusan pemberimilikan tanah. Temu bual dan lawatan Audit juga telah dijalankan. Selain itu, maklumat tambahan dan pengesahan juga diperoleh dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Pulau Pinang (JKPTGPP), Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan serta Jabatan Laut Malaysia. *Exit Conference* bersama Timbalan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang serta Pegawai Daerah Dan Tanah Timur Laut dan Pegawai Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah telah diadakan pada 29 Januari 2015.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pada amnya pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos hingga Oktober 2014 mendapati tahap pengurusan pemberimilikan tanah adalah memuaskan di mana Pejabat Daerah Dan Tanah mematuhi tempoh proses permohonan sehingga penyediaan Kertas Cadangan Jawatankuasa Tanah Negeri. Bagaimanapun kelemahan seperti di bawah perlu dibuat penambahbaikan, antaranya:

- Tapak tanah yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan telah dipindah milik tanpa persetujuan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian.
- Pengeluaran Borang 5A mengambil masa antara 7 hingga 165 hari manakala Pendaftaran hak milik mengambil masa antara 31 hingga 419 hari dan Hak Milik Muktamad belum didaftarkan sejak tahun 2009.
- Caj premium yang dikenakan berbeza dengan kelulusan PBN dan Bayaran Khas salah caj.
- Perbezaan maklumat antara surat kelulusan dan Hak Milik Sementara.

1.4.1. Tapak Tanah Yang Digunakan Oleh Kerajaan Persekutuan Telah Dipindah Milik Tanpa Persetujuan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian

1.4.1.1. Perkara 166(3)(a) Perlembagaan Persekutuan menyatakan mana-mana tanah yang terletak pada hak Negeri Melaka atau Negeri Pulau Pinang yang sebaik sebelum Hari Merdeka telah diduduki atau digunakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Baginda Ratu atau oleh mana-mana Pihak Berkuasa Awam bagi maksud yang mengikut peruntukan Perlembagaan ini menjadi maksud Persekutuan hendaklah pada dan selepas Hari Merdeka diduduki, digunakan, dikawal dan diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan atau mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh Pihak Berkuasa Awam yang tersebut selagi tanah itu dikehendaki bagi maksud Persekutuan tidaklah boleh dilupuskan atau digunakan bagi apa-apa maksud selain maksud Persekutuan tanpa persetujuan Kerajaan Persekutuan.

1.4.1.2. Permohonan pemberimilikan tanah di sebahagian PT 4 (Lot 30), Seksyen 24, Georgetown, Daerah Timur Laut telah diluluskan oleh PBN pada 28 Jun 2011 kepada *Chief Minister Incorporated (CMI)* dan Hak Milik Sementara telah didaftarkan pada 5 Disember 2011. Lot ini merupakan tanah Kerajaan Negeri dan di atas lot tersebut terdapat sebuah Rumah Api yang disenggarakan oleh Jabatan Laut Wilayah Utara. Semakan Audit terhadap *standard sheet* menunjukkan tapak Rumah Api ini telah dicatat dengan catatan JKPTG dan semasa permohonan yang dikemukakan oleh CMI, pelan tanah ada menunjukkan tapak Rumah Api tersebut. Pelan tanah yang disahkan oleh Jabatan Ukur Dan Pemetaan (JUPEM) bertarikh 28 Oktober 2009 menunjukkan lakaran tapak Rumah Api sebelum diberi milik adalah seperti di **Gambar 1.1**. Bagaimanapun, tapak Rumah Api ini tidak diplot dalam Pelan Hak Milik Sementara dan Pelan Akui bernombor PA107275 daripada JUPEM bertarikh 14 April 2014 selepas diberi milik.



Gambar 1.1
Pelan Akui Rumah Api Daripada JUPEM Di Sebahagian PT 4, Seksyen 24 Sebelum Diberi Milik

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut

1.4.1.3. Semakan lanjut mendapati, tanah PT 4 (Lot 30) seluas 33,586.57 meter persegi (mp) (8.29942 ekar) yang diluluskan pemberimilikan oleh PBN kepada CMI tidak ditolak keluasan tapak Rumah Api. Mengikut maklumat yang diperoleh dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan dan Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Rumah Api ini telah didirikan pada tahun 1882 di atas tanah di bawah Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan dengan keluasan tapak ialah 840 mp. Lanjutan itu, pihak

Audit telah merujuk JKPTGPP dan dimaklumkan permohonan pemberimilikan bagi tanah tersebut tidak dimaklumkan kepada Jabatannya sebagai wakil Persekutuan untuk persetujuan.

1.4.1.4. Perkara ini berlaku disebabkan maklumat pemilikan tanah di dalam Laporan Tanah yang disediakan tidak lengkap kerana tidak menyatakan perihal status tanah dengan lengkap dan terperinci. Ini menyebabkan keluasan tapak Rumah Api tersebut telah berpindah milik kepada CMI.

1.4.1.5. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 dan 27 Januari 2015, semakan ke atas Laporan Tanah dalam fail PTTL/A/1341 (pemohon SSI) mendapati Rumah Api yang sememangnya wujud di atas tanah tersebut tidak dinyatakan dengan jelas di dalam Laporan Tanah yang disediakan sebaliknya ia dinyatakan sebagai menara peninjau. Ketidaktepatan Laporan Tanah tersebut adalah berpunca daripada kekurangan pengetahuan berkaitan status tanah dan bangunan yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu tiada surat dihantar untuk mendapatkan ulasan teknikal berkaitan permohonan ini kepada pihak JKPTG. Bagaimanapun, permohonan pemberimilikan tersebut (fail PTTL/A/1341) telah ditolak oleh PBN pada mesyuarat bertarikh 10 Mac 2011 dan disahkan pada 16 Mac 2011. Permohonan baru yang diterima daripada CMI (fail PTTL/A/1380) pada 13 April 2011 telah menggunakan Laporan Tanah sedia ada bertarikh 14 April 2010 (fail PTTL/A/1341). Bagi permohonan ini ulasan teknikal juga tidak diminta semula/yang baru. Perkara ini tidak akan berlaku sekiranya Laporan Tanah yang baru diminta untuk disediakan dan mengelakkan berlakunya kesilapan tersebut. Kelulusan pemberimilikan seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat JKTN pada 28 Jun 2011 akan dirujuk ke PTG bagi menentukan sama ada keputusan tersebut sah dan tidak bercanggah dengan Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan. PDTDL akan mengambil tindakan seterusnya berdasarkan kepada pandangan undang-undang daripada PTG. Penyelarasan akan dibuat oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut dengan JUPEM untuk mengeluarkan keluasan Rumah Api tersebut daripada pelan.

Pada pendapat Audit, Laporan Siasatan Tanah hendaklah disediakan dengan lebih lengkap dan terperinci supaya status tanah dapat ditentukan dengan tepat bagi membantu PBN dalam membuat keputusan permohonan pemberimilikan.

1.4.2. Kutipan Hasil Tanah

1.4.2.1. Pengeluaran Borang 5A Mengambil Masa

- a. KTN Seksyen 81(2) menyatakan secepat yang mungkin selepas apa-apa jumlah wang jadi genap masa berkenaan dengan mana-mana tanah menurut kuasa Subseksyen(1), Pentadbir Tanah hendaklah melalui Notis Borang 5A menghendaki tuan punya yang dicadangkan membayar jumlah wang itu kepadanya dalam tempoh

yang dinyatakan mengenainya dalam notis itu. Kedua-dua Pejabat Daerah Dan Tanah tidak menetapkan tempoh masa pengeluaran Borang 5A selepas kelulusan PBN diterima yang disampaikan melalui PTG.

- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 50 kes atau 51% daripada 98 kes, Borang 5A yang dikeluarkan mengambil masa antara 7 hingga 165 hari selepas kelulusan pemberimilikan diterima seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Borang 5A Mengambil Masa Antara 7 Hingga 166 Hari Untuk Dikeluarkan

Pejabat Daerah	Tempoh Pengeluaran Borang 5A			Jumlah Kes	Amaun (RM)
	7 – 50 Hari	51 – 100 Hari	101 – 165 Hari		
TL	18	5	1	24	86,736,247
SPT	26	0	0	26	11,340,960
Jumlah	44	5	1	50	98,077,207

Sumber: PDTDTL Dan PDTSPT

- c. Pengeluaran Borang 5A mengambil masa disebabkan arahan pengiraan cukai dan ukur lewat dibuat. Kesannya Kerajaan lewat mendapat hasil tanah berjumlah RM98.08 juta dan pendaftaran hak milik dan kuat kuasa cukai tahunan tanah lewat dibuat.
- d. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 dan 28 Januari 2015, PDTDTL tidak menetapkan tempoh masa bagi pengeluaran Borang 5A selepas kelulusan diterima daripada PTG. Bagaimanapun, praktis semasa adalah surat kelulusan dan Borang 5A dikeluarkan kepada pemohon dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat kelulusan PTG. Pada masa itu hanya seorang pegawai di Unit Pelupusan yang dipertanggungjawabkan untuk memproses ke semua permohonan pemberimilikan tanah. Bebanan kerja yang tinggi menyebabkan terdapat kes di mana arahan daripada Unit Pelupusan untuk tindakan pengiraan cukai dan ukur lewat dikemukakan kepada Unit Teknikal Dan Penguinatkuasaan. Pindaan telah dibuat dalam Fail Meja Unit Pelupusan dengan memasukkan tempoh masa 14 hari bagi pengeluaran Borang 5A. Manakala bagi PDTSPT, penyediaan Borang 5A adalah melibatkan kiraan cukai oleh Unit Teknikal. Oleh itu, proses pengeluaran Borang 5A tidak dapat dikeluarkan serta-merta selepas penerimaan surat kelulusan daripada PTG. Bagaimanapun, PDTSPT telah mengemukakan memo kepada Penolong Pegawai Tanah untuk menyediakan kiraan cukai dalam tempoh sebulan daripada tarikh penerimaan fail daripada Pembantu Tadbir. Tempoh penyediaan dan penghantaran Borang 5A kepada pemohon dalam tempoh selewat-lewatnya 2 bulan daripada tarikh penerimaan jawapan permohonan daripada PTG dan telah dicatat dalam Fail Meja Pembantu Tadbir Pemberimilikan.**

Pada pendapat Audit, PTG hendaklah mengadakan Piagam Pelanggan berhubung proses pemberimilikan tanah yang sesuai untuk diguna pakai oleh semua PDT.

1.4.2.2. Caj Premium Berbeza Dengan Kelulusan PBN

- a. Seksyen 80 KTN memperuntukkan kadar sewa dan premium yang ditentukan oleh PBN menurut perenggan (d) dan (e) subseksyen (2) Seksyen 79 hendaklah dalam kes tanah mana-mana kelas atau perihal yang kepadanya kadar-kadar buat masa itu ditetapkan merupakan kadar yang ditetapkan sedemikian.
- b. Semakan Audit mendapati caj pengiraan premium bagi Plot 524 (a), 524 (b), 524 (c) & 524 (d), Mukim 1 Perai, Seberang Perai Tengah bagi permohonan daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk dipindah milik kepada Syarikat Southern Steel Bhd. berbeza antara keputusan kelulusan Jawatankuasa Tanah Negeri dan MMK iaitu RM25 sekaki persegi (kp) dengan surat kelulusan PTG iaitu RM130 mp seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3
Perbezaan Caj Premium Yang Dikenakan**

Bil.	No. Fail	Keluasan Tanah Diluluskan			Kadar Premium Oleh JKTN/ MMK @ RM25 kp (RM)	Kadar Premium Oleh PTG @ RM130 mp (RM)	Perbezaan (RM)
		Ekar	Kp	Mp			
1.	PTSPT/A/54/2012	1.81874	79,224.31	7,360.19	1,980,608	956,825	1,023,783
2.	PTSPT/A/55/2012	0.7949	34,625.84	3,216.85	865,646	418,191	447,455
3.	PTSPT/A/57/2012	2.31992	101,055.72	9,388.39	2,526,393	1,220,491	1,305,902
4.	PTSPT/A/58/2012	1.4080	61,332.48	5,697.98	1,533,312	740,737	792,575
Jumlah		6.34	276,238.35	25,663.41	6,905,959	3,336,244	3,569,715

Sumber: PDTSPT Dan PTG

- c. Semakan selanjutnya mendapati keputusan tambahan telah dikeluarkan melalui surat kelulusan daripada PTG kepada pemohon dan PDTSPT di mana perubahan kadar premium tersebut dibuat antara PTG dan YAB Ketua Menteri. YAB Ketua Menteri telah mengarahkan supaya premium yang perlu dibayar adalah mengikut penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta iaitu RM130 mp. Ini menyebabkan hasil Kerajaan Negeri kurang dikutip berjumlah RM3.57 juta.
- d. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Januari 2015, Syarikat Southern Steel telah mengemukakan permohonan melalui PDC dan telah membuat perjanjian bersama di mana PDC telah menerima bayaran harga jualan tanah daripada Syarikat ini. Permohonan ini telah diluluskan oleh PBN dengan kadar premium RM25 kp di mana kadar premium yang dikenakan ini lebih tinggi berbanding kelulusan yang telah diberikan kepada syarikat sebelum ini iaitu bagi permohonan pemberimanikan tanah Kerajaan di Plot A, Mukim 1, Kawasan**

Perusahaan Perai, SPT. Sehubungan itu YAB Ketua Menteri telah mengarahkan agar premium ini dikenakan atas kadar RM130 mp.

1.4.2.3. Bayaran Khas Salah Caj

- a. Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan membenarkan Kerajaan Negeri untuk menggubal undang-undang berkaitan dengan tanah yang sememangnya berada dalam bidang kuasa PBN. Manakala Seksyen 79(2)(g) KTN memperuntukkan PBN mempunyai kuasa mandatori untuk menentukan sekatan kepentingan yang hendak dikenakan bila mana PBN meluluskan pemberimilikan. Kaedah-kaedah Tanah Pulau Pinang Tahun 2005 pula menetapkan kadar pengiraan cukai berdasarkan lokasi dan penggunaan tanah.
- b. Bayaran Khas merupakan bayaran yang dikenakan oleh PBN kepada pemohon bagi tanah yang diambil melalui proses pengambilan tanah atau tanah tebus guna yang diambil kira sebagai cukai tanah yang tertunggak menggunakan formula berikut:

'Keluasan tanah x kadar cukai tanah (berdasarkan lokasi tanah dan penggunaan tanah) x tempoh pegangan tanah'

- c. Pengiraan Bayaran Khas ini dibuat di peringkat PTG dan jumlah yang dikenakan kepada pemohon dinyatakan dalam surat kelulusan pemberimilikan ke Pejabat Daerah Dan Tanah. Semakan Audit terhadap pengiraan Bayaran Khas mendapati sebanyak 5 kes Bayaran Khas yang dikenakan kepada pemohon yang diluluskan pemberimilikan tanah telah salah di caj seperti di **Jadual 1.4**.

**Jadual 1.4
Bayaran Khas Salah Caj**

Bil.	No. Fail	Kategori Penggunaan Tanah	Lokasi Tanah	Caj Dikena (RM)	Caj Sepatutnya (RM)	Lebih / (Kurang) Caj (RM)	Catatan
1.	PTTL/A/1321	Perumahan	Mukim 13, Bayan Mutiara	208,972	81,895	127,077	Tersalah caj sebagai tanah bandar 1 (A). Sepatutnya di caj sebagai tanah desa 2 (C)
2.	PTTL/A/1472	Perniagaan-Pembangunan Bercampur	Mukim 13, Bayan Mutiara	119,647	587,357	(467,710)	Tersalah caj berdasarkan kadar kediaman. Sepatutnya di caj berdasarkan kadar perniagaan.
3.	PTTL/A/1315	Perusahaan – Pencawang Masuk Utama	Mukim 13, Bayan Mutiara	96,371	111,466	(15,095)	Tersalah caj sebagai tanah bandar 1 (A) dan berdasarkan kadar lain-lain. Sepatutnya di

Bil.	No. Fail	Kategori Penggunaan Tanah	Lokasi Tanah	Caj Dikena (RM)	Caj Sepatutnya (RM)	Lebih / (Kurang) Caj (RM)	Catatan
							caj sebagai tanah desa 2 (C) dan berdasarkan kadar perusahaan.
4.	PTTL/A/1471	Perniagaan - Pembangunan Bercampur	Parcel 2B Mukim 13, Bayan Mutiara	60,000	294,544	(234,544)	Tersalah caj berdasarkan kadar kediaman. Sepatutnya di caj berdasarkan kadar perniagaan.
5.	PTSPT/A/74/2012	Pertanian	Lot 836,802,799 & 796, Mukim 12, Kuala Juru, SPT	119,762	114,180	5,582	Kesilapan dalam pengiraan berlaku disebabkan tarikh Borang K tersalah ambil kira
Jumlah				604,752	1,189,442	(584,690)	

Sumber: PDTDTL, PDTSPT Dan PTG

- d. Perkara ini berlaku disebabkan kesilapan terhadap kategori penggunaan tanah, kategori pengelasan tanah bandar dan desa serta tersalah ambil tarikh Borang K tahun 1989 bagi 1 lot yang diambil balik pada tahun 1991 dan 3 lot pada tahun 2011. Ini menyebabkan Kerajaan terkurang kutip hasil berjumlah RM0.58 juta.
- e. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 dan 27 Januari 2015, kadar Bayaran Khas yang dikenakan merupakan keputusan yang dibuat oleh PBN. PDTDTL hanya memaklumkan kelulusan berdasarkan surat rasmi keputusan oleh PTG. Manakala PTG memaklumkan Bayaran Khas yang dikenakan adalah standard iaitu mengikut atas kadar kediaman kecuali bagi tujuan perusahaan di mana kadar dikira atas kadar perusahaan. Bagi permohonan PTSPT/A/74/2012 pengiraan Bayaran Khas adalah dibuat mengikut keluasan majoriti di mana ia tidak merugikan Kerajaan Negeri.**

1.4.3. Pendaftaran Hak Milik

1.4.3.1. Pendaftaran Hak Milik Mengambil Masa Dan Belum Didaktarkan

- a. Seksyen 80(3) KTN menyatakan setelah diluluskan pemberimilikan tanah oleh PBN dan setelah semua pembayaran dilaksanakan, Pendaftar akan menyediakan, mendaftarkan dan mengeluarkan dokumen Hak Milik Sementara. Pendaftaran hak milik tanah merupakan proses terakhir pemberimilikan tanah dan ia menjadi dokumen bukti bagi pemilikan tanah. Sebelum Hak Milik Muktamad didaftarkan, tanah akan diukur dan tanda sempadan ditanam di atasnya manakala pelan tanah diperakukuan

oleh JUPEM. Sementara menunggu kerja ukur diselesaikan, Hak Milik Sementara dikeluarkan kepada pemilik. Hak Milik Sementara didaftarkan selepas semua hasil tanah kena bayar dijelaskan.

- b. Semakan Audit mendapati tempoh masa yang diambil untuk mendaftarkan Hak Milik Sementara selepas bayaran Borang 5A dijelaskan bagi 57 permohonan adalah antara 31 hingga 423 hari seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Pendaftaran Hak Milik Sementara Mengambil Masa Antara 31 Hingga 423 Hari

Pejabat Daerah Dan Tanah	Tempoh Masa Diambil Mendaftar Hak Milik Sementara (Hari)					Jumlah
	31 – 100	101 – 200	201 – 300	301 – 400	401 – 423	
TL	4	11	2	1	1	19
SPT	34	4	0	0	0	38
Jumlah	38	15	2	1	1	57

Sumber: PDTDTL, PDTSPT Dan PTG

- c. Berdasarkan analisis Audit, pendaftaran Hak Milik Sementara mengambil masa disebabkan perkara-perkara seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Alasan Pendaftaran Hak Milik Sementara Mengambil Masa

Bil.	Alasan	Tempoh Masa (Hari)	Pejabat Daerah Dan Tanah / Bilangan Kes	
			TL	SPT
1.	Tempoh Masa PDT Minta Pelan Hak Milik Sementara Daripada Juruukur / Pelukis Pelan	7 - 100	8	4
		101 - 200	4	1
		201 - 211	1	1
		TM	5	0
		TB	1	33
2.	Tempoh Masa Juruukur / Pelukis Pelan Kemukakan Pelan Hak Milik Sementara	Jumlah	19	38
		0	1	0
		1 - 100	11	6
		101 - 200	0	1
		201 - 300	0	0
		301 - 311	1	0
		TM	5	0
3.	Tempoh Masa PDT/Unit Pembangunan Tanah Kemukakan Permohonan Hak Milik Sementara Kepada Unit Pendaftaran/ PTG	TB	1	31
		Jumlah	19	38
		0	1	2
		1 - 100	12	36
		101 - 200	0	0
4.	Tempoh Masa PDT/PTG Mendaftar Hak Milik Sementara	TM	5	0
		TB	1	0
		Jumlah	19	38
		3 - 100	17	38
		TM	2	0
		TB	19	38
		Jumlah	19	38

Sumber: PDTDTL, PDTSPT Dan PTG

Nota: TM-Tiada Maklumat, TB-Tidak Berkennaan

- d. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 dan 28 Januari 2015, terdapat 3 kes melibatkan permohonan rayuan pengurangan premium di PDTDTL yang mana kertas JKTN perlu disediakan untuk pertimbangan dan kelulusan PBN dan ini menyebabkan Hak Milik Sementara mengambil masa untuk didaftarkan. Selain itu kurangnya pemantauan ke atas fail-fail tersebut selepas pembayaran Borang 5A dijelaskan oleh pemohon menyebabkan pendaftaran Hak Milik Sementara mengambil masa. Manakala bagi PDTSPT terdapat 3 kes pendaftaran Hak Milik Sementara lewat disebabkan pelan yang dikemukakan semasa permohonan tidak mempunyai *bearing* dan *distance*. Oleh itu, setelah kelulusan diperoleh, masalah timbul untuk penyediaan Pelan Hak Milik Sementara bagi mendapatkan pelan yang lengkap dengan *bearing* dan *distance* menyebabkan fail lewat dikemukakan ke Bahagian Pendaftaran.
- e. Pendaftaran Hak Milik Muktamad akan dibuat setelah JUPEM menerima Permintaan Ukur (PU) dari Pejabat Daerah Dan Tanah dan seterusnya JUPEM akan menyediakan Pelan Akui (PA) untuk tujuan pendaftaran Hak Milik Muktamad oleh Bahagian Pendaftaran Hak Milik. Semakan selanjutnya terhadap pendaftaran Hak Milik Muktamad mendapati sebanyak 68 kes Hak Milik Sementara yang telah dikeluarkan PU sejak tahun 2009 sehingga 2014 belum didaftarkan Hak Milik Muktamad sehingga tarikh pengauditan seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Hak Milik Muktamad Belum Didaftarkan

Tahun PU Dikeluarkan	Pejabat Daerah Dan Tanah / Bilangan Kes		Jumlah
	TL	SPT	
2009	3	1	4
2010	0	12	12
2011	0	13	13
2012	0	20	20
2013	3	13	16
2014	3	0	3
Jumlah	9	59	68

Sumber: PDTDTL Dan PDTSPT

- f. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 dan 28 Januari 2015, 8 kes di PDTDTL belum menerima Pelan Akui (PA) daripada JUPEM. Hak Milik Muktamad akan didaftarkan setelah PA diterima melalui Sistem JUPEM2U dan hanya 1 kes PA telah diperoleh daripada JUPEM. PDTDTL telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Hak Milik Muktamad memandangkan ia dipegang di bawah hak milik Pejabat Pendaftar dan semakan ke atas sistem JUPEM2U telah dibuat dan didapati PA bagi 8 kes hak milik masih berstatus Hak Milik Sementara masih belum diterima. Bagi PDTSPT, PU yang dikemukakan tidak diambil tindakan serta-merta oleh JUPEM. Pengeluaran PA mengambil masa oleh JUPEM dan PA yang telah disempurnakan tidak dimaklumkan secara langsung ke PDTSPT. Bagaimanapun PDTSPT mengambil inisiatif menyemak secara manual dan melalui JUPEM2U. Semakan dan pendaftaran Hak Milik Muktamad

dibuat secara berperingkat dan tunggakan yang banyak membuatkan masa diambil agak lama, bagaimanapun Hak Milik Muktamad telah didaftarkan.

- g. Manakala sebanyak 9 kes Hak Milik Muktamad yang telah dikeluarkan mengambil masa untuk didaftarkan antara 73 hingga 419 hari walaupun PA telah dikeluarkan oleh JUPEM seperti di **Jadual 1.8**. Perkara ini berlaku kerana Pejabat Daerah Dan Tanah tidak menetapkan tempoh mendaftarkan Hak Milik Muktamad setelah menerima PA daripada JUPEM.

Jadual 1.8
Hak Milik Muktamad Mengambil Masa Antara 73 Hingga 419 Hari Untuk Didaftarkan

Bil.	No. Fail	Pemohon	Pelan Akui		Hak Milik Muktamad		Tempoh Masa (Hari)
			Nombor	Tarikh	Nombor	Tarikh Daftar	
1.	PTTL/A/1384	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang	i. 105999 ii. 106000 iii. 106001	09.04.13	i. GN 144263 ii. GN 144264 iii. GN 144263	24.07.13	73
2.	PTTL/A/1366	Perbadanan Setiausaha Negeri Pulau Pinang	105439	30.10.12	PM 395	26.04.13	120
3.	PTTL/A/1345	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	105326	11.10.12	GRN 14124	26.04.13	132
4.	PTTL/A/1344	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang	106133	02.05.13	PN 9324	04.12.13	147
5.	PTTL/A/1358	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	106708	09.12.13	PN 9772	20.08.14	171
6.	PTSPT/A/22/2009	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	86304	10.06.10	PN 7915	08.04.11	206
7.	PTTL/A/1385	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang	106049	04.04.13	PN 9545	06.05.14	268
8.	PTTL/A/1315	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	102754	18.05.11	GRN 136569	21.11.12	372
9.	PTTL/A/1318	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	102498	10.03.11	PN 8896	21.11.12	419

Sumber: PDTDTL Dan PDTSPT

- h. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26, 27 dan 28 Januari 2015, PDTDTL tidak menetapkan tempoh masa bagi pendaftaran Hak Milik Muktamad kerana penyediaan PA adalah di bawah bidang tugas JUPEM. Bagi PA yang telah disediakan oleh JUPEM, Pelukis Pelan akan mengakses Sistem JUPEM2U secara harian disebabkan JUPEM tidak membuat pemakluman secara bertulis kepada PDTDTL berkenaan status PA yang telah dikemukakan. PDTDTL akan mengadakan perbincangan bersama JUPEM berhubung penetapan tempoh masa bagi pendaftaran Hak Milik Muktamad dapat dikuatkuasakan. Piagam pelanggan terkini PTG bagi urusan pendaftaran Hak Milik Muktamad adalah dalam tempoh 30 hari bekerja. Penambahbaikan telah dibuat ke atas piagam

pelanggan terdahulu yang ditetapkan 3 bulan dan dari masa ke semasa PTG mengkaji proses kerja sedia ada bagi mengurangkan tempoh yang diambil. Manakala bagi 1 kes di PDTSPT, walaupun PA telah siap di JUPEM, PDTSPT tidak mendapat makluman secara langsung daripada JUPEM sehingga surat pemberitahuan dan PA tersebut dikemukakan ke PDTSPT. Faktor ini adalah salah satu daripada penyumbang utama kepada kelewatan pendaftaran Hak Milik Muktamad. Bagaimanapun Hak Milik Muktamad sentiasa diproses secara berperingkat di PDTSPT.

1.4.3.2. Perbezaan Maklumat Antara Surat Kelulusan Dan Hak Milik Sementara

- Manual KTN (Bab 2)(3) menyatakan Hak Milik Sementara memberi hak yang sama (Seksyen 92 KTN) seperti Hak Milik Muktamad. Pengeluaran hak milik kepada pemohon yang telah mendapat kelulusan pemberimilikan membolehkan mereka membuat pindah milik, gadaian atau pajakan sebelum kerja ukur diselesaikan. Manakala Seksyen 380 KTN(1)(a) menyatakan pembetulan kesilapan dalam dokumen hak milik boleh dibuat jika dokumen hak milik telah didaftarkan atau dikeluarkan atas nama yang salah, atau mengandungi salah perihal mengenai tanah atau sempadan-sempadan atau kesilapan atau tinggalan lain.
- Semakan Audit terhadap permohonan yang telah dikeluarkan Hak Milik Sementara mendapati sebanyak 8 kes maklumat pemberimilikan di dokumen hak milik berbeza dengan surat kelulusan yang diberikan oleh PBN. Contoh kes-kes adalah seperti di **Jadual 1.9** dan tiada pindaan mengikut Seksyen 380 KTN dibuat sehingga tarikh pengauditan. Ini berlaku disebabkan kesilapan semasa penyediaan pendaftaran hak milik dan penyemakan maklumat pemberimilikan tidak dibuat secara teliti di Bahagian Pendaftaran Hak Milik.

Jadual 1.9
Perbezaan Maklumat Antara Surat Kelulusan Dan Hak Milik Sementara

Bil.	Pejabat Daerah Dan Tanah	No. Fail	No. Hak Milik Sementara	Perbezaan Maklumat		Catatan
				Hak Milik Sementara	Surat Kelulusan	
1.	TL	PTTL/A/1380	HSD 17699	Seksyen 4	Seksyen 24	Perbezaan lokasi (Gambar 1.2)
2.	TL	PTTL/A/1385	HSD 18205	17,120 mp	18,089.448 mp	Perbezaan keluasan
3.	TL	PTTL/A/1312	HSD 16612	140,655 mp	1,406.506 mp	Perbezaan keluasan (Gambar 1.3)
4.	TL	PTTL/A/1430	HSD 18653	17,546 mp	17,684.78 mp	Perbezaan keluasan

Bil.	Pejabat Daerah Dan Tanah	No. Fail	No. Hak Milik Sementara	Perbezaan Maklumat		Catatan
				Hak Milik Sementara	Surat Kelulusan	
5.	SPT	PTSPT/A/26/2011	HSD 58579	Pertanian	Perusahaan	Perbezaan kategori penggunaan tanah (Gambar 1.4)
6.	SPT	PTSPT/A/6/2011	HSD 58580	0.8389 hektar	0.7757 hektar	Perbezaan keluasan
7.	SPT	PTSPT/A/12/2011	HSD 57954	0.8084 hektar	0.8094 hektar	Perbezaan keluasan
8.	SPT	PTSPT/A/31/2010	HSM 5904	17,737 mp	17,725.25 mp	Perbezaan keluasan

Sumber: PDTDTL Dan PDTSPT

Gambar 1.2
Perbezaan Lokasi Bagi Sebahagian PT 4, Seksyen 24, Bandar Georgetown Di Surat Kelulusan Dan Hak Milik Sementara HSD 17699

PENGARAH TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG
TUN ABUL RAZAK (KOMTAR)
PULAU PINANG
www.pn.gov.my

Pengarah
Tadbir: PTS/01
Pengerusi: Kabinet Pengurusan
Pembangunan
Hakmilik Sementara
Takhta Mewah
Head
Pengurusan & Teknologi

04-655 5292 | 04-263 6588
04-655 5296 | 04-264 4501
04-655 5297 | 04-264 4502
04-655 5298 | 04-261 9588
04-655 5299 | 04-261 9589
04-655 5310 | 04-263 6651
04-655 5311 | 04-261 9588
04-655 5407 | 04-264 4495

LJA/1380
P/PMJ/DTL/222 (5)
OGOS 2011

Pendaftar Tanah
Dewan Timur Laut,
Tingkat 50 dan 51, KOMTAR,
10000 Pulau Pinang.

Tuan,

PERMOHONAN PEMILIKAN TANAH KERAJAAN BAGI LOT 30 DAN 31, SEKSYEN 24, BANDAR GEORGETOWN, DAERAH TIMUR LAUT DENGAN LUAS SEMESTARA 1406.506 METER PERSEGII KANAN TERIMA DI BAWAH SEKSYEN 76 KANAN TANAH NEGARA -1965- DARIPADA KETUA MENTERI PULAU PINANG (PEMERBADANAN) UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN FORT CORNWALLIS

Perkara di atas adalah dirujuk.
2. Dimaklumkan bahawa Pihak Berkusa Negara di mesyuaratnya pada 6.7.2011 dan disahkan pada 13.7.2011 telah meluluskan permohonan ini dengan syarat-syarat seperti berikut:

Bil.	Syarat-Syarat Hakmilik	Plot A (lot 30 & 31)
(a)	Jenis Hakmilik	Pajakan Negeri
(b)	Tempoh Pajakan	60 tahun

PT(A)
muzammil
fsl

HAKMILIK SEMENTARA
BERSAMAAN DENGAN HAKMILIK PEJABAT PENDAFTARAN

No. H.S.(D) : 17699 | Cukai Tahun

Negeri
Daerah
Bandar/Pekan/Mukim
No. PT
Luas Sementara
Jenis Penggunaan Tanah
No. Lembar Piawai
No. Permohonan Urut
No. Fail

Pulau Pinang
Timur Laut
Kotabhar Georgetown
PT 4 Seksyen 4
2,86,5760 Meter Persegii
Bangunan

35/2011
PTG/PMJ/DTL/222 | PTTL/A/1380

Pajakan selama tempoh 60 tahun berakhir pada 8 Disember, 2071.

Didaftarkan pada 9 hari bulan Disember, 2011

Seksyen 4

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut

Gambar 1.3
Perbezaan Keluasan Di Surat Kelulusan Dan Hak Milik Sementara HSD 16612

Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Tingkat 7 & 8, Menara
No. 128, Jalan Macalay
10400 PULAU PINANG

1,406.506 Mp

PERMOHONAN PEMILIKAN TANAH LOT 510 DAN 931, SEKSYEN 9W, BANDAR GEORGETOWN, ARAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG SELUAS 1,406.506 METER PERSEGII (1406 HEKTAR) UNTUK TUJUAN AWAM IAITU PEMBESARAN MASJID KAMPUNG RAWA, DEWAN KEGIATAN MASYARAKAT DAN LAIN-LAIN KEGIATAN KEAGAMAAN DI BAWAH SEKSYEN 3 (1) (a) AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

Dengan hormatnya mjerujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Pihak Berkusa Negara di mesyuaratnya pada 7.3.2007 dan disahkan pada 14.3.2007 telah meluluskan seperti berikut:-

2. Setelah diambil balik dengan rasmiannya tanah seperti yang ditandatakan dengan warna merah di atas pelan seluas 1,406.506 meter persegi (0.1406 hektar) diberimilik di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dengan dikenakan syarat-syarat seperti berikut:-

Syarat-syarat Hakmilik :-

- a) Jenis Hakmilik : Geran
- b) Jenis Kegunaan : Bangunan
- c) Keluasan : 1,406.506 m.p (0.1406 hektar)

HAKMILIK SEMENTARA
BERSAMAAN DENGAN HAKMILIK PEJABAT PENDAFTARAN

No. H.S.(D) : 16612 | Cukai Tahunan : RM1.00

Negeri
Daerah
Bandar/Pekan/Mukim
No. PT
Luas Sementara
Jenis Penggunaan Tanah
No. Lembar Piawai
No. Permohonan Urut
No. Fail

Pulau Pinang
Timur Laut
PT 252 Seksyen 9W
140655 Meter Persegii
Bangunan

36/2009
PTG/PT/DTL/227 | PTTL/A/1312

Goran untuk selama-lamanya.
Didaftarkan pada 29 September 2009


Dokumen hakmilik keluaran dikeluarkan pada 29 September 2009

140,655 Mp

Pendaftar

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut

Gambar 1.4
Perbezaan Kategori Penggunaan Tanah Di Surat Kelulusan
Dan Hak Milik Sementara HSD 58579



Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Seberang Perai Tengah

- c. Berdasarkan maklum balas bertarikh 26, 27 dan 28 Januari 2015, bagi kes fail PTTL/A/1380 dan PPTL/A/1321 tindakan pembetulan melalui Seksyen 380 KTN 1965 oleh PDTDTL telah dikemukakan kepada PTG untuk tindakan lanjut melalui surat pada 21 Januari 2015 dan pembetulan telah dibuat oleh Bahagian Pendaftaran PTG pada 27 Januari 2015. Tindakan pembetulan di bawah Seksyen 380 KTN telah dibuat oleh Bahagian Pendaftaran PTG bagi membetulkan kategori kegunaan tanah. Bagi kes di PDTSPT, pindaan hak milik tersebut telah dibuat setelah Hak Milik Muktamad didaftarkan dan tiada lagi kesalahan pada Hak Milik Muktamad tersebut.

Pada pendapat Audit, prestasi proses pendaftaran hak milik kurang memuaskan kerana hak milik mengambil masa untuk didaftarkan, Hak Milik Muktamad belum didaftarkan dan perbezaan maklumat dalam Hak Milik Sementara.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pemberiman tanah telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, Pejabat Tanah Dan Galian, Pejabat-pejabat Daerah Dan Tanah adalah disyorkan supaya langkah-langkah berikut diambil untuk penambahbaikan:

1.5.1. Memastikan Laporan Tanah yang disediakan adalah lengkap dan terperinci supaya status tanah dapat dikenal pasti dengan tepat.

1.5.2. Memastikan pengeluaran Borang 5A dan pendaftaran hak milik dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

1.5.3. Memastikan kadar premium dan bayaran khas yang dikenakan adalah betul supaya tiada kekurangan hasil di pihak Kerajaan dan memastikan maklumat dalam hak milik yang dikeluarkan adalah sama dengan kelulusan yang diberikan.

PEJABAT TANAH DAN GALIAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI SELATAN

2. PENGURUSAN PENGETUARAN BAHAN BATUAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Menurut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, bahan batuan bermaksud apa-apa batuan, batu, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit biasa, tanah gembur, tanah liat biasa, tanah lumpur, tanah rumput, gambur, karang, cengkerang dan apa-apa bahan batuan lain di dalam atau di atas mana-mana tanah, dan termasuk bahan-bahan yang diproses darinya. Bagi aktiviti-aktiviti pengeluaran bahan batuan Seksyen 70, KTN menyatakan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh membenarkan pencabutan, pemindahan dan pengangkutan apa-apa bahan batuan dari tanah Kerajaan, tanah beri milik, tanah lombong dan tanah rizab. Seksyen 71, KTN pula menerangkan PBN boleh mengeluarkan permit-permit untuk mencabut, memindah dan mengangkut bahan batuan dari tanah Kerajaan, tanah beri milik, tanah lombong dan tanah rizab. Seksyen 70 dan 71, KTN tidak terpakai kepada tanah yang tertakluk kepada Jadual Ketiga KTN (Hak milik Pulau Pinang dan Melaka), 1963 (Akta 518) iaitu tanah berstatus “*First Grade*”. Individu atau syarikat boleh memohon permit untuk tujuan mengeluarkan bahan batuan melalui Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) di kawasan berkenaan. Hasil daripada pengeluaran permit, Pentadbir Tanah (PT) akan mengutip royalti mengikut kadar, kaedah dan pengiraan yang ditetapkan oleh Kaedah-kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang 2005 dan Kaedah-kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2013.

2.1.2. Royalti bahan batuan dikutip bagi pengeluaran bahan batuan di atas tanah Kerajaan melibatkan Permit 4B dan tanah beri milik melibatkan Permit 4C. Bagi tempoh 2010 hingga Julai 2014, PBN telah meluluskan sebanyak 11 Permit 4B dan 26 Permit 4C dan sejumlah RM20.25 juta royalti bahan batuan telah dikutip bagi seluruh negeri Pulau Pinang. Jumlah permit 4B dan 4C yang diluluskan bagi tempoh tersebut adalah termasuk kes-kes permohonan yang dibuat pada tahun-tahun sebelumnya. Secara puratanya bayaran permit dan royalti bahan batuan yang dikutip bagi tempoh tersebut telah menyumbang sebanyak 3.7% daripada jumlah hasil tanah berjumlah RM546.59 juta. Butirannya seperti di **Jadual 2.1** dan **Jadual 2.2**.

Jadual 2.1
Pemberian Permit Pengeluaran Bahan Batuan Bagi Tempoh 2010 Hingga Julai 2014

Tahun	2010		2011		2012		2013		2014	
	4B	4C								
Permohonan	2	10	2	10	3	7	5	12	3	8
Lulus	1	6	3	6	3	5	2	3	2	6
Tolak	-	5	-	2	-	-	-	1	2	5
Belum Selesai	1	4	-	4	-	3	3	8	2	8

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian

Jadual 2.2
**Jumlah Permit Dan Royalti Bahan Batuan Berbanding Hasil Cukai Tanah Yang Dipungut
 Bagi Tempoh 2010 Hingga Julai 2014**

Tahun	Permit Dan Royalti (RM)	Hasil Cukai Tanah (RM)	Peratus (%)
2010	9,386,623	109,609,863	8.6
2011	4,148,841	108,458,525	3.4
2012	996,413	106,140,803	0.9
2013	3,772,269	109,400,872	3.5
Julai 2014	1,941,932	112,979,069	1.7
Jumlah	20,246,078	546,589,132	3.7

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran bahan batuan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berkesan serta mematuhi peraturan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek pengurusan pengeluaran bahan batuan melibatkan kuari batu dan tanah merah bagi tempoh 2012 hingga bulan Julai 2014. Pengauditan dijalankan di Pejabat Tanah Dan Galian (PTG), Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya (PDTDBD), Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSP) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS). Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak rekod, fail-fail, laporan-laporan, minit mesyuarat dan dokumen yang berkaitan. Antara rekod yang disemak adalah daftar permohonan permit, penyata pengeluaran bulanan, rekod hasil, fail pengusaha dan lain-lain rekod. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dibuat dan lawatan ke tapak pengeluaran bahan batuan juga turut dijalankan. *Exit Conference* bersama Timbalan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pulau Pinang serta Pegawai Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah, Penolong Pegawai Daerah(Tanah) Seberang Perai Selatan dan Penolong Pegawai Daerah(Tanah) Barat Daya telah diadakan pada 21 Januari 2015.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2014 mendapati pada amnya pengurusan pengeluaran bahan batuan adalah memuaskan dari segi pematuhan kepada syarat-syarat pengoperasian di tapak kuari dan kutipan deposit untuk pengeluaran permit 4B dan 4C. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Pengeluaran dan pemindahan bahan batuan tanpa permit.
- Kutipan royalti tidak mengikut kadar yang diwartakan dan formula yang ditetapkan.
- Kelewatan menjelaskan royalti.

- Kelulusan memperbaharui permit lewat dikeluarkan.
- Pencemaran udara dan bunyi serta keselamatan penduduk di sekitar kuari.

2.4.1. Pengeluaran Dan Pemindahan Bahan Batuan Tanpa Permit

2.4.1.1. Seksyen 71, KTN menetapkan bahawa pengeluaran dan pemindahan bahan batuan perlu mendapatkan permit daripada Pihak Berkuasa Negeri. Seksyen 426 (1), KTN pula menyatakan mana-mana orang tanpa kebenaran yang sah memindah atau mengangkut bahan batuan dari mana-mana tanah adalah melakukan satu kesalahan yang boleh jika disabitkan kesalahan dikenakan denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih dari setahun atau kedua-duanya sekali. Seksyen 426 (2), KTN pula menyatakan bahawa mereka yang disabitkan kesalahan di bawah seksyen tersebut boleh diperintah membayar kepada PBN pampasan yang sama nilainya dengan bahan batuan yang dikeluarkan secara tidak sah berserta denda.

2.4.1.2. Semakan Audit terhadap fail permohonan pengeluaran bahan batuan daripada pengusaha di 3 daerah mendapat sebanyak 9 pengusaha telah menjalankan kerja-kerja pengeluaran dan pemindahan bahan batuan tanpa permit bagi tempoh 2012 hingga 2014. Ia melibatkan 6 kes pada tahun 2012, 7 kes pada tahun 2013 dan 9 kes pada tahun 2014. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Pengeluaran Dan Pemindahan Bahan Batuan Tanpa Permit
Bagi Tempoh 2012 Hingga Julai 2014

Daerah	Bil.	Kuari	Tahun		
			2012	2013	2014
PDTDBD	1.	Sofinaz Holdings Sdn. Bhd.	✓	✓	✓
	2.	Villabina Sdn. Bhd.	TB	TB	✓
PDTSPS	3.	PDC Nusabina	TB	✓	✓
	4.	Zambina Wawasan Sdn. Bhd.	TB	TB	✓
PDTSPPT	5.	Kuad Quarry	✓	✓	✓
	6.	Saw Cheong Teok Quarry	✓	✓	✓
	7.	Batu Tiga Quarry	✓	✓	✓
	8.	Boon Sun Seraksi Sdn. Bhd.	✓	✓	✓
	9.	Tar San Quarry Sdn. Bhd.	✓	✓	✓
Jumlah			6	7	9

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian

2.4.1.3. Daripada jadual di atas, didapati 4 pengusaha di PDTDBD dan PDTSPS menjalankan kerja-kerja pengeluaran dan pemindahan bahan batuan tanpa kelulusan/permit daripada PBN. Manakala 5 pengusaha di PDTSPPT telah mendapat kelulusan menjalankan kerja-kerja pengeluaran dan pemindahan bahan batuan tetapi permit tidak dikeluarkan. Permit tidak dikeluarkan oleh PDT atas alasan keselamatan penduduk dan kerosakan rumah apabila berlaku letusan bahan batu di kawasan tersebut.

2.4.1.4. Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 dan 10 hingga 12 November 2014 mendapati kerja-kerja pengeluaran dan pemindahan bahan batuan beroperasi tanpa permit seperti **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.8**.

Gambar 2.1
Kuari Beroperasi Tanpa Permit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Sofinaz Holdings Sdn. Bhd.,
Teluk Tempoyak, Barat Daya
Tarikh: 13 Oktober 2014

Gambar 2.3
Kuari Beroperasi Tanpa Permit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari PDC Nusabina Sdn. Bhd.,
Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 November 2014

Gambar 2.5
Kuari Beroperasi Tanpa Permit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Kuad Quarry,
Seberang Perai Tengah
Tarikh: 11 November 2014

Gambar 2.2
Kuari Beroperasi Tanpa Permit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Villabina Sdn. Bhd.,
Teluk Kumbar, Barat Daya
Tarikh: 13 Oktober 2014

Gambar 2.4
Kuari Beroperasi Tanpa Permit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Zambina Wawasan Sdn. Bhd.,
Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 November 2014

Gambar 2.6
Kuari Beroperasi Tanpa Permit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Saw Cheong Teok,
Seberang Perai Tengah
Tarikh: 11 November 2014

Gambar 2.7
Kuari Beroperasi Tanpa Permit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Batu Tiga, Seberang Perai Tengah
Tarikh: 11 November 2014

Gambar 2.8
Kuari Beroperasi Tanpa Permit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Boon Sun Seraksi dan Kuari Tar San, Seberang Perai Tengah
Tarikh: 11 November 2014

2.4.1.5. Keadaan ini berlaku kerana kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan oleh PDT serta kelewatan kelulusan permit 4B dan 4C terhadap pengusaha kuari yang menjalankan aktiviti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan tanpa permit. Kesannya pengeluaran dan pemindahan bahan batuan tanpa permit masih berlaku dan Kerajaan Negeri kehilangan hasil disebabkan tindakan di bawah Seksyen 426 (1) atau 426 (2), KTN tidak diambil. Semakan Audit juga mendapati tiada bukti tindakan telah diambil oleh PDT berkenaan ke atas pengusaha-pengusaha kuari yang tidak mempunyai permit yang sah.

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan terhadap pengusaha kuari yang menjalankan aktiviti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan tanpa permit adalah tidak memuaskan.

2.4.2. Hasil Royalti Terkurang Kutip

2.4.2.1. Kutipan Royalti Tidak Mengikut Kadar Yang Diwartakan

- a. Kaedah-kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang 2005 menetapkan jumlah royalti pengeluaran bahan batuan yang perlu dijelaskan adalah RM3.00 semeter padu bagi tempoh pengeluaran berkuat kuasa sehingga 31 Januari 2014. Kadar royalti tersebut telah disemak semula dan telah diwartakan dalam Kaedah-kaedah Tanah Pulau Pinang (Pindaan) 2013 kepada RM1.50/tan metrik bagi pengeluaran bahan batuan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2014 seperti berikut:

Formula Pengiraan Royalti Bahan Batuan Sehingga 31 Januari 2014

(Keupayaan Mesin x 70% x 8 jam sehari x 26 hari x 10 bulan) – 10% overburden = ..tan bayaran royalti setahun x RM3.00/meter padu
--

Formula Pengiraan Royalti Bahan Batuan Mulai 1 Februari 2014

(Keupayaan Mesin x 70% x 8 jam sehari x 26 hari x 10 bulan) – 10% overburden = ..tan bayaran royalti setahun x RM1.50/tan metrik

- b. Semakan Audit mendapati kadar royalti yang dikenakan kepada Sofinaz Holdings Sdn. Bhd. bagi tahun 2013 adalah RM1.50/tan metrik berbanding kadar royalti yang sepatutnya dikenakan RM3.00/meter padu. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan Negeri telah kekurangan hasil berjumlah RM101,596 seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Kutipan Royalti Tidak Mengikut Kadar Yang Diwartakan Bagi Tahun 2013

Keupayaan Mesin	Jumlah Royalti Diterima (RM)	Jumlah Royalti Sepatutnya Dikutip (RM)	Kekurangan Hasil Kerajaan Negeri (RM)
250 tan/jam	327,600 tan x *0.53 x RM1.50 = RM260,442	327,600 tan x *0.53 / 1.1 x 0.76455 x RM3.00 = RM362,038	101,596

Nota : *0.53 = keluaran mengikut nisbah keluasan tanah (keluasan keseluruhan – keluasan tanah berstatus "First Grade", Condition A & Condition B)

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya

- c. Semakan Audit di PDTSPT pula mendapati Pejabat telah menerima bayaran royalti pada kadar RM1.13/tan metrik daripada 5 pengusaha kuari berbanding kadar RM3.00 semeter padu yang telah diwartakan oleh PBN. Kadar RM1.13/tan metrik ini digunakan sejak tahun 2010 sehingga Julai 2014. Bagi tempoh tersebut, pembayaran royalti bahan batuan yang tidak mengikut kadar yang diwartakan menyebabkan Kerajaan Negeri telah terkurang kutip hasil di PDTDBD dan PDTSPT berjumlah RM7.27 juta seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Kutipan Royalti Tidak Mengikut Kadar Yang Diwartakan Bagi Tempoh 2010 Hingga Julai 2014

Bil	Pengusaha	Jumlah Royalti Diterima (RM)	Jumlah Royalti Sepatutnya Diterima (RM)	Kekurangan Hasil Royalti (RM)
1.	Kuad Quarry	4,438,527	7,036,436	2,597,909
2.	Saw Cheong Teok Quarry	1,370,330	2,144,044	773,714
3.	Batu Tiga Quarry	3,325,181	5,462,723	2,137,542
4.	Boon Sun Seraksi Sdn. Bhd.	376,498	657,781	281,283
5.	Tar San Quarry Sdn. Bhd.	1,978,188	3,456,259	1,478,071
Jumlah		11,488,724	18,757,242	7,268,518

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah

- d. **Berdasarkan maklum balas PTG bertarikh 27 Januari 2015, selepas menyedari kekhilafan dalam mengenakan kadar royalti yang berbeza, pihak PDT telah mengeluarkan notis tuntutan kepada pengusaha Sofinaz Holdings Sdn.Bhd. yang berjumlah RM101,596 pada 8 Januari 2015. Mulai 2014 kadar baru dikenakan mengikut Penang Land Rules (Pindaan) 2013 yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2014.**

2.4.2.2. Kutipan Royalti Tidak Mengikut Formula Yang Ditetapkan

- a. Pada 14 Januari 2009, PBN telah meluluskan perkiraan royalti berdasarkan perkiraan (Keupayaan Mesin x **60%** x 8 jam sehari x 26 hari x 10 bulan) – 10% *overburden* = ..tan bayaran royalti setahun x RM3.00 semeter padu. Manakala pada 1 November 2011 PBN telah meluluskan perkiraan royalti berdasarkan formula (Keupayaan Mesin x **70%** x 8 jam sehari x 26 hari x 10 bulan) – 10% *overburden* = ..tan bayaran royalti setahun x RM3.00 semeter padu.
- b. Semakan Audit di PDTSPS mendapati perkiraan royalti yang diluluskan oleh PTG kepada 1 pengusaha kuari bagi permit tahun 2012 dan 2013 tidak mengikut peratus keupayaan mesin terkini seperti yang ditetapkan oleh PBN. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Kutipan Royalti Tidak Mengikut Formula Yang Ditetapkan Bagi Permit Tahun 2012 dan 2013

Bulan	Tahun					
	2012			2013		
	Jumlah Royalti Sepatuutnya Diterima (a) (RM)	Jumlah Royalti Diterima (b) (RM)	Kekurangan Hasil Kerajaan Negeri (a-b=c) (RM)	Jumlah Royalti Sepatuutnya Diterima (d) (RM)	Jumlah Royalti Diterima (e) (RM)	Kekurangan Hasil Kerajaan Negeri (d-e=f) (RM)
Jun	-	-	-	34,154	29,500	4,654
Julai	34,154	29,500	4,654	34,154	29,500	4,654
Ogos	34,154	29,500	4,654	34,154	29,500	4,654
September	34,154	29,500	4,654	34,154	29,500	4,654
Oktober	34,154	29,500	4,654	34,154	29,500	4,654
November	34,154	-	34,154	34,154	29,500	4,654
Disember	34,154	29,500	4,654	34,154	29,500	4,654
Jumlah	204,924	147,500	57,424	239,078	206,500	32,578
Jumlah Besar (c+f)						90,002

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan

- c. Keadaan ini berlaku disebabkan PTG tidak peka berkenaan perubahan peratus keupayaan mesin semasa meluluskan permit bagi pengiraan royalti yang perlu dibayar oleh pengusaha kuari. Kesilapan pengiraan peratus keupayaan mesin menyebabkan Kerajaan Negeri telah kehilangan hasil sejumlah RM90,002.
- d. **Berdasarkan maklum balas PTG bertarikh 27 Januari 2015, terdapat kekeliruan di dalam surat kelulusan PBN daripada PTG di mana jumlah bayaran dikenakan adalah RM29,500 (berdasarkan 60% keupayaan mesin) bagi setiap bulan, manakala formula yang diluluskan menggunakan kadar 70% keupayaan mesin. Menyedari kekhilafan tersebut, notis tuntutan bayaran kutipan terkurang kutip telah dikeluarkan kepada pengusaha pada 20 Januari 2015.**

Pada pendapat Audit, PTG dan PDT hendaklah memastikan kekurangan bayaran royalti tersebut dikutip dengan segera. PTG dan PDT juga hendaklah memastikan semua royalti adalah dikenakan mengikut formula dan kadar yang diwartakan.

2.4.3. Kelulusan Memperbaharui Permit Lewat Dikeluarkan

2.4.3.1. Mengikut Piagam Pelanggan Unit Pelupusan Tanah, proses permohonan dan penyediaan kertas untuk pertimbangan serta kelulusan Jawatankuasa Tanah Negeri Pulau Pinang (JKTN) adalah selama 3 bulan daripada permohonan diterima. Sementara itu, mengikut Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengeluaran Bahan Batuan Bil. 2/2013 dan Bil. 3/2013, semua permohonan untuk memperbaharui permit hendaklah dikemukakan oleh pengusaha kuari kepada PDT masing-masing 3 bulan sebelum permit tahun semasa tamat tempoh. PDT perlu menghantar peringatan kepada pengusaha kuari di daerah masing-masing untuk mengemukakan permohonan memperbaharui permit selewat-lewatnya pada bulan Oktober. Kegagalan pengusaha kuari mematuhi tempoh masa yang ditetapkan, kuari berkenaan akan dihentikan operasinya dan seterusnya akan diarahkan untuk ditutup.

2.4.3.2. Semakan Audit di PDTDBD dan PDTSPS mendapati 3 pengusaha kuari telah lewat mengemukakan permohonan untuk melakukan kerja-kerja pengeluaran dan pemindahan bahan batuan. Selain daripada pengusaha kuari lewat mengemukakan permohonan memperbaharui permit, kelewatian juga berlaku disebabkan Pegawai Petempatan (SO) lewat memproses permohonan yang diterima. Kesan daripada keadaan ini menyebabkan aktiviti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan secara haram masih berlaku di mana PDT telah lewat memproses permohonan mendapatkan permit melebihi 3 bulan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.7** dan **Jadual 2.8**.

Jadual 2.7
Permohonan Pembaharuan Permit Lewat Dikemukakan
Oleh Pengusaha Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bil.	Daerah	Pengusaha Kuari	Permit	Tarikh Permohonan Sepatutnya	Tarikh Permohonan	Kelewatan		
1.	PDTDBD	Sofinaz Holdings Sdn. Bhd.	2012	30.9.2011	5.7.2012	9 bulan 5 hari		
			2013	30.9.2012	30.7.2013	10 bulan		
			2014	30.9.2013	29.11.2013	1 bulan 29 hari		
2.	PDTSPS	PDC Nusabina Sdn. Bhd.	2013	30.9.2012	8.1.2013	3 bulan 8 hari		
3.			2012	30.9.2011	14.2.2012	4 bulan 14 hari		
			2013	30.9.2012	8.11.2012	1 bulan 8 hari		
		Zambina Wawasan Sdn. Bhd.	2014	30.9.2013	21.11.2013	1 bulan 21 hari		

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daerah Barat Daya dan
Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan

Jadual 2.8
Tempoh Kelewatan Kelulusan Pembaharuan Permit Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Bil.	Daerah	Pengusaha Kuari	Permit	Tarikh Permohonan	Tarikh Kelulusan	Kelewatan
1.	PDTDBD	Sofinaz Holdings Sdn. Bhd.	2012	5.7.2012	26.3.2013	5 bulan 21 hari
			2013	30.7.2013	23.6.2014	7 bulan 23 hari
			2014	29.11.2013	23.10.2014	7 bulan 25 hari
2.		PDC Nusabina Sdn. Bhd.	2013	8.1.2013	Belum Lulus	Melebihi 3 bulan
3.	PDTSPS	Zambina Wawasan Sdn. Bhd.	2012	14.2.2012	15.6.2012	29 hari
			2013	8.11.2012	3.4.2013	1 bulan 25 hari
			2014	21.11.2013	Belum Lulus	Melebihi 3 bulan

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan

2.4.3.3. Berdasarkan maklum balas PTG bertarikh 27 Januari 2015, Keseluruhan proses mengambil masa 5 bulan iaitu 3 bulan bagi proses penyediaan kertas permohonan Kertas JKTN di peringkat PDT dan 2 bulan di peringkat PTG sehingga kelulusan diperoleh. Bagaimanapun, tiada tempoh tertentu ditetapkan bagi kelulusan permit memandangkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengeluaran Bahan Batuan Negeri Pulau Pinang, Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) adalah di luar kawalan Jabatan.


Pada pendapat Audit, proses permohonan dan kelulusan memperbaharui permit adalah kurang memuaskan kerana melebihi tempoh yang ditetapkan.

2.4.4. Pencemaran Udara Dan Bunyi Serta Keselamatan Penduduk Di Sekitar Kuari

2.4.4.1. Perintah Kualiti Alam Sekeliling 1987 menetapkan aktiviti-aktiviti yang tertakluk kepada perintah kualiti alam sekitar termasuk aktiviti kuari yang termasuk dalam lingkungan 3 kilometer dari kawasan, kediaman, perniagaan atau perindustrian. Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan meminta pengusaha kuari untuk mengemukakan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) untuk diluluskan iaitu jarak lebih 1.5 km dari penempatan penduduk bagi kuari tanah merah dan 5 km bagi kuari batu.

2.4.4.2. Lawatan Audit pada 10 November 2014 di Kampung Masjid, Batu Kawan mendapati jarak rumah penduduk dengan kuari PDC Nusabina Sdn. Bhd. yang beroperasi sejak 5 tahun dahulu adalah dalam lingkungan 240 meter seperti di **Gambar 2.9**. Hasil temu bual dengan penduduk di kawasan tersebut mendapati aktiviti letupan dan pengeluaran bahan batu dari kuari berkenaan telah menyebabkan keselamatan penduduk terancam, kerosakan rumah akibat gegaran, hakisan tanah, habuk pada makanan, pakaian, kenderaan dan perabot. Kerosakan rumah akibat gegaran daripada letupan batu adalah seperti di **Gambar 2.10** hingga **Gambar 2.11**.

Gambar 2.9
Jarak Rumah Penduduk Dengan Kuari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Masjid, Batu Kawan,
Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 November 2014

Gambar 2.10
Keretakan Dinding Rumah Kediaman Akibat Dari Aktiviti Letupan Batu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Masjid, Batu Kawan,
Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 November 2014

Gambar 2.11
Keretakan Dinding Rumah Kediaman Akibat Dari Aktiviti Letupan Batu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Masjid, Batu Kawan,
Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 November 2014

2.4.4.3. Berdasarkan maklum balas PTG bertarikh 27 Januari 2015, mengikut rekod PDTSPS, tiada permit pengeluaran bahan batuan dikeluarkan sejak 2013 dan 2014 serta tiada bayaran royalti yang dikutip bagi tempoh tersebut.

2.4.4.4. Susulan lawatan Audit pada 27 Januari 2015 di kuari PDC Nusabina Sdn. Bhd., pihak Audit mendapati aktiviti kuari dan pengeluaran bahan batuan sedang beroperasi dan menyebabkan pencemaran masih berlaku. Butirannya seperti di **Gambar 2.12** hingga **Gambar 2.15**.

**Gambar 2.12
Pencemaran Udara**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari PDC Nusabina Sdn. Bhd.,
Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 27 Januari 2015

**Gambar 2.13
Kesan Pencemaran Udara**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Masjid, Batu Kawan,
Seberang Perai Selatan
Tarikh: 27 Januari 2015

**Gambar 2.14
Pengeluaran Bahan Batuan
Sedang Dijalankan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari PDC Nusabina Sdn. Bhd.,
Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 27 Januari 2015

**Gambar 2.15
Pengeluaran Bahan Batuan
Sedang Dijalankan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari PDC Nusabina Sdn. Bhd.,
Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 27 Januari 2015

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan serta kawalan alam sekitar hendaklah diambil dengan lebih tegas terhadap pengusaha kuari kerana aktiviti pengeluaran bahan batuan telah memberi kesan negatif kepada alam sekitar di kawasan tersebut.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, PTG dan PDT disyorkan supaya mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1. Meningkatkan penguatkuasaan dan mengenakan denda kepada pengusaha kuari yang beroperasi tanpa permit. Memberhentikan operasi kuari secara muktamad di Kampung Masjid Batu Kawan bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin.

2.5.2. Memastikan pengiraan royalti yang dikenakan mengikut kadar dan formula yang diluluskan serta kekurangan royalti bahan batuan berjumlah RM7.46 juta dan denda hendaklah dikutip semula.

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

3. PENGURUSAN PROGRAM KEBAJIKAN RAKYAT

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Program Kebajikan Rakyat adalah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara berperingkat mulai tahun 2009 bertujuan untuk memberi sumbangan dan bantuan kepada golongan sasaran yang ditetapkan. Terdapat 6 program yang diwujudkan iaitu Penghargaan Warga Emas, Bantuan Ibu Tunggal, Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU), Sumbangan Anak Emas, Skim Pelajar Emas dan Bantuan Ibu Emas. Syarat utama yang ditetapkan bagi penerima sumbangan adalah pemohon berdaftar sebagai pengundi di Pulau Pinang kecuali Skim Pelajar Emas diberi kepada pelajar yang bersekolah di Pulau Pinang. Selain itu, bayaran pengurusan jenazah secara sekali bayar (*one off*) turut diberi kepada waris bagi program Penghargaan Warga Emas, Bantuan Ibu Tunggal dan Bantuan OKU sekiranya berlaku kematian.

3.1.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar telah diberi mandat bagi merealisasikan aspirasi pelaksanaan Program Kebajikan Rakyat. Manakala Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang (UPEN) diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri bagi menyelaras pelaksanaan program. Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT), Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Pejabat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang (JKM) berperanan sebagai agensi pelaksana bagi melaksanakan program.

3.1.3. UPEN melalui Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri (PTMKN) telah membangunkan sistem i-Sejahtera secara *in house* bagi melancarkan pelaksanaan program. Sistem ini digunakan bagi tujuan pendaftaran permohonan dan pembayaran sumbangan. Selain itu, UPEN telah mengeluarkan Garis Panduan Program-program Kebajikan i-Sejahtera sebagai panduan kepada agensi pelaksana.

3.1.4. Sehingga bulan Oktober 2014, bilangan permohonan yang didaftarkan bagi 6 program tersebut adalah 438,579 seperti di **Jadual 3.1**. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM28 juta pada tahun 2012 dan RM31.46 juta pada tahun 2013. Manakala jumlah perbelanjaan sehingga bulan Oktober 2014 adalah RM29.89 juta.

Jadual 3.1
Bilangan Permohonan Yang Didaftarkan Sehingga Bulan Oktober 2014

Bil.	Program	Daerah					Jumlah
		Timur Laut	Barat Daya	Seberang Perai Utara	Seberang Perai Tengah	Seberang Perai Selatan	
1.	Penghargaan Warga Emas	76,999	16,668	33,966	34,002	14,305	175,940
2.	Bantuan Ibu Tunggal	4,582	1,734	3,344	3,160	1,762	14,582
3.	Bantuan OKU	2,748	1,391	1,515	1,675	1,047	8376
4.	Sumbangan Anak Emas	11,446	6,108	11,609	11,294	5,825	46,282
5.	Skim Pelajar Emas	38,862	14,841	35,465	40,343	20,956	150,467
6.	Bantuan Ibu Emas	8,510	4,474	11,451	11,533	6,964	42,932
Jumlah							438,579

Sumber: Statistik Sistem i-Sejahtera

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan Program Kebajikan Rakyat dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektifnya iaitu memberi penghargaan kepada penduduk Negeri Pulau Pinang melalui sumbangan dan bantuan yang diperkenalkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek permohonan, pendaftaran dan pembayaran bagi tempoh 2012 hingga 2014 di UPEN, PTMKN, JKM, Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut (PDTTL) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU). PDTTL terdiri dari 14 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) dan PDTSPU terdiri dari 9 KADUN. Semakan Audit dilakukan terhadap borang permohonan, minit mesyuarat, rekod bayaran dan dokumen lain yang berkaitan. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap data permohonan dan pembayaran yang dijana melalui sistem i-Sejahtera. Pengauditan dijalankan terhadap 6 program iaitu Penghargaan Warga Emas, Bantuan Ibu Tunggal, Bantuan OKU, Sumbangan Anak Emas, Skim Pelajar Emas dan Bantuan Ibu Emas. Lawatan Audit telah dibuat semasa pembayaran sumbangan di PDTTL dan PDTSPU. Di samping itu, temu bual juga telah dibuat dengan pegawai UPEN, PTMKN, JKM, PDTTL dan PDTSPU. *Exit Conference* bersama Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang serta Pegawai Daerah Dan Tanah Timur Laut, Ketua Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Utara dan Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 15 Januari 2015.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai dan Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya Program Kebajikan Rakyat telah menepati objektifnya namun pelaksanaan

program adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Kelewatan dalam mendaftar dan mengesah permohonan serta mengemas kini maklumat pembayaran sumbangan dalam sistem i-Sejahtera.
- Kawalan penyimpanan dan pengendalian wang tunai kurang memuaskan.
- Baki wang sumbangan yang tidak dapat diagihkan lewat diakaunkan ke Akaun Kerajaan Negeri.
- Pemantauan oleh UPEN terhadap pelaksanaan program kurang memuaskan.

3.4.1. Pelaksanaan Program Kebajikan Rakyat Oleh Agensi Pelaksana

3.4.1.1. Permohonan Sumbangan Dan Bantuan

- a. UPEN menyediakan borang permohonan bagi setiap program sumbangan yang diedarkan kepada orang awam oleh PDT, Pejabat ADUN, Pejabat Penyelaras KADUN dan JKM. Pemohon yang ingin mendapatkan sumbangan perlu mengisi borang permohonan dan dikemukakan kepada agensi pelaksana berserta dokumen sokongan yang lengkap untuk didaftarkan dalam sistem i-Sejahtera. Bagi mempromosikan program ini kepada orang awam, Kerajaan Negeri telah membuat hebahan melalui media cetak, *billboard*, poster dan melalui majlis yang dianjurkan oleh YB ADUN. Program, kadar sumbangan, syarat permohonan dan tahun diperkenalkan adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2
Program, Kadar Sumbangan Dan Tahun Diperkenalkan**

Bil.	Program		Kadar Sumbangan	Syarat Permohonan	Tahun Diperkenalkan
1.	Warga Emas	Penghargaan	RM100 setahun	Berumur 60 tahun ke atas dan pengundi di Negeri Pulau Pinang	2009
		Pengurusan Jenazah	RM1000 sekali bayar (<i>one off</i>)	Tuntutan dibuat dalam tempoh satu tahun daripada tarikh kematian	2010
2.	Ibu Tunggal	Bantuan	RM100 setahun	Berumur kurang daripada 60 tahun dan pengundi di Negeri Pulau Pinang, tidak berkahwin semula dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak	2010
		Pengurusan Jenazah	RM1000 sekali bayar (<i>one off</i>)	Tuntutan dibuat dalam tempoh satu tahun daripada tarikh kematian	2013
3.	Orang Kurang Upaya (OKU)	Bantuan	RM100 setahun	Berumur kurang daripada 60 tahun dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang	2011
		Pengurusan Jenazah	RM1000 sekali bayar (<i>one off</i>)	Tuntutan dibuat dalam tempoh satu tahun daripada tarikh kematian	2013

Bil.	Program	Kadar Sumbangan	Syarat Permohonan	Tahun Diperkenalkan
4.	Sumbangan Anak Emas	RM200 sekali bayar (<i>one off</i>)	Bayi mestilah warganegara Malaysia dan mempunyai sijil kelahiran yang sah, ibu atau bapa kepada bayi adalah pengundi di Negeri Pulau Pinang dan tuntutan mestilah tidak melebihi dua tahun dari tarikh kelahiran	2011
5.	Skim Pelajar Emas	RM100 sekali bayar (<i>one off</i>)	Pelajar mestilah warganegara Malaysia dan bersekolah di Negeri Pulau Pinang	2012
6.	Bantuan Ibu Emas	RM100 setahun	Warganegara Malaysia, berumur kurang 60 tahun, pengundi di Negeri Pulau Pinang, telah berumah tangga, tiada pendapatan dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak.	2014

Sumber: Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang

- b. Bagi tujuan menilai sambutan terhadap program Penghargaan Warga Emas, Skim Pelajar Emas dan Bantuan OKU, pihak Audit telah membuat perbandingan bilangan pemohon yang mendaftar dalam sistem i-Sejahtera dengan data agensi seperti Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang (JKM). Perbandingan data sehingga bulan Oktober 2014 menunjukkan 90.6% pemilih berdaftar yang berumur 60 tahun ke atas telah mendaftar untuk program Penghargaan Warga Emas. Manakala untuk Skim Pelajar Emas, 56.3% pelajar yang bersekolah di Pulau Pinang dan layak memohon telah mendaftar. Bagi Bantuan OKU pula, 27% OKU yang berdaftar dengan JKM telah memohon untuk menerima sumbangan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Perbandingan Bilangan Permohonan Antara Data Agensi Dan Data i-Sejahtera

Bil.	Program	Sumber Data Agensi	Bilangan		Peratus (%)
			Data Agensi	Data i-Sejahtera	
1.	Penghargaan Warga Emas	SPR	194,246	175,940	90.6
2.	Skim Pelajar Emas	JPN	267,140	150,467	56.3
3.	Bantuan OKU	JKM Pulau Pinang	31,068	8,376	27

Sumber: Statistik Sistem i-Sejahtera, Rekod Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Rekod Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang Dan Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

- c. Semakan Audit terhadap permohonan sumbangan dan bantuan mendapati perkara berikut:
- i. **Kelewatan Mendaftar Permohonan Dan Mengemas kini Status Kematian Dalam Sistem i-Sejahtera**
- Pendaftaran permohonan akan dibuat dalam sistem i-Sejahtera setelah borang permohonan yang lengkap diterima oleh agensi pelaksana. Semakan

mendapati penetapan tempoh mendaftar permohonan tidak dinyatakan sama ada dalam mesyuarat penyelarasan program atau garis panduan. Bagaimanapun, tarikh akhir (*cut off*) bagi mendaftar permohonan dalam sistem i-Sejahtera sebelum fasa pembayaran dibuat ditetapkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB EXCO. Pendaftaran yang dibuat selepas tarikh *cut off* akan diproses untuk fasa pembayaran berikutnya.

- Bagi tahun 2012 hingga 2014, semakan terhadap 722 borang permohonan program Penghargaan Warga Emas mendapati 239 atau 33.1% permohonan lewat didaftarkan dalam sistem i-Sejahtera bagi tempoh antara 10 dan 289 hari. Manakala bagi program Bantuan Ibu Tunggal, daripada 334 borang permohonan yang disemak 117 atau 35% lewat didaftar antara 7 dan 323 hari. Bagi program Sumbangan Anak Emas pula, daripada 246 borang permohonan 114 atau 46.3% borang permohonan lewat didaftarkan antara 7 dan 215 hari. Sementara itu, semakan terhadap 723 borang permohonan Pengurusan Jenazah Warga Emas mendapati 103 atau 14.2% borang permohonan lewat dikemas kini status kematian antara 7 dan 70 hari. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**. Kelewatan mendaftar borang permohonan dalam sistem i-Sejahtera disebabkan tempoh masa mendaftar permohonan tidak ditetapkan dalam garis panduan. Perkara ini boleh menyebabkan nama pemohon tidak sempat didaftar dan terkeluar dari senarai penerima yang layak untuk fasa tersebut.

Jadual 3.4
Kelewatan Mendaftar Permohonan Dalam Sistem i-Sejahtera
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Program	Daerah	Bilangan Permohonan				Tempoh Kelewatan (Hari)
			Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014	Jumlah	
1.	Penghargaan Warga Emas	Timur Laut	101	47	17	165	10 - 289
		Seberang Perai Utara	44	0	30	74	13 - 255
		Jumlah				239	
2.	Bantuan Ibu Tunggal	Timur Laut	54	TM	29	83	7 - 323
		Seberang Perai Utara	25	9	0	34	8 - 171
Jumlah						117	
3.	Sumbangan Anak Emas	Timur Laut	29	24	61	114	7 - 215
Jumlah						114	
4.	Penghargaan Warga Emas (Pengurusan Jenazah)	Timur Laut	0	14	10	24	7 - 35
		Seberang Perai Utara	0	21	58	79	8 - 70
		Jumlah				103	
Jumlah Besar						573	

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut Dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara
 TM: Tiada Maklumat

- Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 19 Januari 2015, kelewatan mendaftar permohonan dan mengemas kini status kematian bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah disebabkan oleh keperluan penutupan sementara sistem i-Sejahtera (cut-off) bagi tujuan menjana data penerima bayaran. Sepanjang tempoh tersebut, sebarang pendaftaran menggunakan sistem tidak dapat dilakukan sedangkan borang permohonan diterima secara berterusan. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, tempoh arahan cut-off tersebut mengambil masa selama 60 hingga 90 hari bagi membolehkan PDT menguruskan urusan permohonan peruntukan baucar dengan nilai yang tetap (nilai akan berubah sekiranya terdapat pengemaskinian pemohon meninggal dunia atau berubah KADUN) dan proses cetakan baucar kepada pemohon dan ini menjadikan proses kelancaran pendaftaran permohonan. Selain itu, kelewatan juga berpunca daripada borang permohonan yang tidak lengkap terutama dokumen sokongan dan kelayakan sebagai pengundi. Pada peringkat awal pelaksanaan, hanya beberapa orang kakitangan ditugaskan untuk mengendalikan semua program dan kakitangan yang sama turut bertanggungjawab melaksanakan tugas hakiki serta lain-lain aktiviti Jabatan seperti pilihan raya umum dan program di bawah peruntukan EXCO. Bagi menangani perkara ini, semakan terhadap borang permohonan akan dibuat oleh Pembantu Tadbir berpandukan Senarai Semak bagi memastikan hanya permohonan yang lengkap diterima untuk didaftarkan. Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat akan dipulangkan serta-merta kepada pemohon. PDT juga telah membuat rombakan tugas dan setiap Pembantu Tadbir hanya dipertanggungjawabkan bagi satu program secara hakiki. UPEN juga telah mengambil tindakan segera dengan menetapkan tempoh 30 hari bagi agensi pelaksana mendaftar permohonan dalam sistem i-Sejahtera. Pendaftaran dalam sistem i-Sejahtera juga akan dibuka sepanjang tahun secara berterusan tanpa penutupan sistem bagi memastikan proses pendaftaran berjalan lancar.

ii. Kelewatan Pengesahan Permohonan Dalam Sistem i-Sejahtera

- Borang permohonan yang telah didaftarkan dalam sistem i-Sejahtera perlu dibuat pengesahan oleh pegawai pengesah. Proses ini bertujuan memastikan permohonan yang didaftar disemak sebelum diluluskan untuk pembayaran. Semakan Audit terhadap 151,523 data permohonan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 mendapat 36,080 atau 23.8% pendaftaran permohonan lewat disahkan oleh pegawai pengesah. Tempoh kelewatan adalah antara 7 dan 1114 hari seperti di Jadual 3.5. Bagi tahun 2012 terdapat 9,958 permohonan lewat disahkan. Manakala jumlah ini telah

menurun kepada 9,284 permohonan pada tahun 2013. Bagi tahun 2014 jumlah tersebut telah meningkat kepada 16,838 permohonan. Kelewatan pengesahan permohonan berlaku kerana kurang pemantauan oleh pegawai atasan. Di samping itu, tempoh masa pengesahan permohonan yang tidak ditetapkan sama ada dalam mesyuarat penyelarasan program atau garis panduan menyumbang kepada kelewatan tersebut. Perkara ini boleh mengakibatkan nama pemohon tidak disenaraikan untuk menerima sumbangan walaupun pemohon layak menerima sumbangan pada tahun berkenaan.

Jadual 3.5
Kelewatan Pengesahan Permohonan Dalam Sistem i-Sejahtera

Bil.	Program	Daerah	Bilangan Permohonan				Tempoh Kelewatan (Hari)	
			Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014	Jumlah		
1.	Penghargaan Warga Emas	Timur Laut	1,393	1,029	929	3,351	7 - 1114	
		Seberang Perai Utara	1,006	484	673	2,163	7 - 344	
Jumlah						5,514		
2.	Bantuan Ibu Tunggal	Timur Laut	106	87	141	334	7 - 598	
		Seberang Perai Utara	266	89	152	507	7 - 442	
Jumlah						841		
3.	Sumbangan Anak Emas	Timur Laut	1,374	335	452	2,161	7 - 509	
		Seberang Perai Utara	1,198	374	702	2,274	7 - 446	
Jumlah						4,435		
4.	Skim Pelajar Emas	Timur Laut	1,907	2,875	2,610	7,392	7 - 371	
		Seberang Perai Utara	1,969	3,892	3,430	9,291	7 - 334	
Jumlah						16,683		
5.	Bantuan OKU	Timur Laut	446	65	97	608	7 - 231	
		Seberang Perai Utara	293	54	30	377	7 - 334	
Jumlah						985		
6.	Bantuan Ibu Emas	Timur Laut	TB	TB	5,248	5,248	7 - 336	
		Seberang Perai Utara	TB	TB	2,374	2,374	7 - 337	
Jumlah						7,622		
Jumlah Besar			9,958	9,284	16,838	36,080		

Sumber: Data Sistem i-Sejahtera

TB - Tidak Berkenaan

- **Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 19 Januari 2015, kelewatan pengesahan permohonan dalam sistem i-Sejahtera oleh pegawai pengesah adalah rentetan dari kelewatan mendaftar permohonan oleh dua pusat iaitu PDT dan Pejabat Pusat Khidmat ADUN. Di pejabat Pusat Khidmat ADUN, Pegawai Seranta bertindak sebagai pendaftar manakala YB ADUN kawasan tersebut bertindak sebagai pegawai pengesah.**

Sebagai tindakan pencegahan, PDT telah mengambil tindakan dengan menambah bilangan pegawai pengesah. Pusat Khidmat ADUN pula akan diberi taklimat oleh UPEN pada bulan Mac 2015 mengenai tempoh pengesahan permohonan ini.

iii. Permohonan Bantuan OKU Yang Diterima Selepas Tarikh Cut Off Tidak Diproses Untuk Bayaran

- JKM merupakan agensi pelaksana bagi membantu UPEN menguruskan Bantuan OKU. Menurut UPEN, JKM diberi tanggungjawab menguruskan bantuan ini memandangkan JKM mempunyai rekod dan maklumat peribadi pemegang kad OKU. Syarat utama bagi Bantuan OKU adalah pemohon mestilah pemegang kad OKU yang berdaftar dengan JKM. OKU yang ingin memohon bantuan ini perlu mengisi borang permohonan yang terdapat di JKM dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) untuk didaftarkan dalam sistem i-Sejahtera. Pembayaran Bantuan OKU bagi tahun 2012 dan 2013 hanya dibuat satu fasa setahun berbanding program lain yang dibuat pembayaran antara 2 dan 3 fasa secara berperingkat mengikut fasa. Berdasarkan minit mesyuarat penyelarasan pada bulan Julai 2014 atas permohonan JKM, YB EXCO telah meluluskan pembayaran dibuat dua fasa untuk tahun 2014 dan bagi tahun seterusnya pembayaran satu fasa sahaja dibenarkan. Menurut UPEN, tarikh *cut off* bagi pendaftaran permohonan dicadangkan oleh JKM dan dipersetujui dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB EXCO. Permohonan yang diterima dan didaftarkan sebelum tarikh *cut off* sahaja akan diproses untuk bayaran. Semakan Audit mendapati daripada 3,941 permohonan bagi tahun 2012 hingga 2014, 306 atau 7.8% telah diterima selepas tarikh *cut off* dan tidak diproses untuk bayaran seperti di **Jadual 3.6**. Penetapan pembayaran satu fasa setahun yang dibuat menyebabkan pemohon yang mendaftar selepas tarikh *cut off* yang ditetapkan pada bulan Jun tidak akan menerima bantuan bagi tahun berkenaan.

**Jadual 3.6
Permohonan Bantuan OKU Yang Tidak Diproses Selepas Tarikh Cut Off**

Tahun	Daerah	Tarikh Cut Off	Bilangan Permohonan Yang Didafarkan	Bilangan Permohonan Yang Tidak Dapat Diproses	Peratus (%)
2012	Timur Laut	25.06.2012	2,269	135	5.9
	Seberang Perai Utara		1,127	48	4.3
2013	Timur Laut	28.06.2013	302	51	16.9
	Seberang Perai Utara		243	72	29.6
Jumlah			3,941	306	7.8

Sumber: Data Sistem i-Sejahtera

- Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 19 Januari 2015, sebagai langkah penambahbaikan, tarikh *cut off* bagi pendaftaran permohonan Bantuan OKU dicadangkan ditetapkan oleh JKM dan pembayaran dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 fasa seperti tahun 2014 yang dilihat lebih berkesan.

iv. Permohonan Pertukaran Program Tidak Dapat Dilaksanakan

- Mengikut garis panduan, pemohon program Bantuan Ibu Tunggal hendaklah berumur kurang 60 tahun. Walau bagaimanapun, setelah mencapai umur 60 tahun pemohon layak menerima sumbangan program Penghargaan Warga Emas dengan syarat membuat permohonan baru. Berdasarkan mesyuarat penyelarasan program yang diadakan pada bulan Mac 2012, ibu tunggal yang mencecah umur 60 tahun perlu didaftarkan semula oleh PDT dalam program Penghargaan Warga Emas kerana tiada sistem automatik yang dibangunkan untuk pertukaran tersebut.
- Semakan Audit mendapati sistem i-Sejahtera boleh mengenal pasti secara automatik penerima bantuan ibu tunggal yang mencapai umur 60 tahun dan mengasingkan data tersebut. Pertukaran program boleh dibuat tanpa perlu mengisi borang permohonan memandangkan maklumat penerima telah sedia ada dalam sistem bagi memastikan penerima menerima bantuan secara berterusan. Bagaimanapun mesyuarat penyelarasan menetapkan pertukaran kepada program Penghargaan Warga Emas hanya akan dibuat apabila borang permohonan diterima. Sehingga bulan Oktober 2014, sebanyak 48 penerima Bantuan Ibu Tunggal di daerah Timur Laut dan 72 penerima di daerah Seberang Perai Utara yang berumur antara 60 dan 62 tahun telah diasingkan dari program asal. Penerima tersebut tidak menerima sumbangan program Penghargaan Warga Emas kerana tidak mengemukakan borang permohonan kepada PDT untuk pertukaran program.
- Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 19 Januari 2015, nama ibu tunggal yang mencapai umur 60 tahun akan diasingkan (di kuarantin) dalam sistem i-Sejahtera. Senarai nama ini akan dipanjangkan kepada PDT melalui sistem. PDT akan memaklumkan penerima bantuan melalui surat untuk membuat permohonan bagi program Penghargaan Warga Emas. Ini adalah kerana data yang diperlukan dalam program Penghargaan Warga Emas berbeza daripada program bantuan Ibu Tunggal.

Pada pendapat Audit, permohonan yang lengkap perlu didaftarkan dengan segera dan pertukaran program selepas umur 60 tahun dibuat secara automatik tanpa perlu mengisi borang permohonan baru.

3.4.1.2. Pembayaran Sumbangan Dan Bantuan

Pembayaran sumbangan dibuat secara berperingkat mengikut fasa pada setiap tahun. Kaedah pembayaran adalah secara tunai sama ada di bank, di pejabat PDT atau di majlis yang dianjurkan oleh ADUN. Semakan Audit terhadap pembayaran sumbangan dan bantuan mendapati perkara berikut:

a. Kawalan Penyimpanan Dan Pengendalian Wang Tunai Kurang Memuaskan

- i. Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 126(a) semua wang tunai hendaklah disimpan di dalam peti besi atau bilik kebal. Unit Pembangunan bertanggungjawab menguruskan pembayaran sumbangan yang dibuat secara tunai di PDTTL. Bagi tujuan penyimpanan selamat wang tunai semasa tempoh pembayaran sumbangan, wang tersebut disimpan di peti besi Unit Hasil. Lawatan Audit pada 9 September 2014 dan 7 Oktober 2014 ke lokasi penyimpanan wang tunai di Unit Hasil mendapati rekod keluar masuk wang dalam peti besi tidak diselenggarakan dengan lengkap seperti tiada tandatangan perakuan serahan, tiada catatan jumlah wang yang diserah dan dikeluarkan serta tidak dikemas kini.
- ii. Semasa sesi pembayaran dilaksanakan wang tunai akan diserahkan setiap hari oleh pegawai penyelia kepada pegawai bertugas. Setelah penyerahan dibuat pegawai bertugas bertanggungjawab memastikan wang tunai dikendalikan dengan teratur dan selamat bagi mengelakkan berlaku kehilangan. Lawatan Audit ke lokasi pembayaran Sumbangan Anak Emas pada 18 Ogos 2014 di PDTSPU mendapati wang tunai tidak dikendalikan dengan teratur dan selamat iaitu disimpan dalam laci tidak berkunci dan juga dalam kotak fail seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

**Gambar 3.1
Wang Disimpan Dalam Laci
Tidak Berkunci**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kaunter Tingkat 1, Pejabat
Daerah Seberang Perai Utara
Tarikh: 18 Ogos 2014

**Gambar 3.2
Wang Disimpan Dalam Kotak Fail**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kaunter Tingkat 1, Pejabat
Daerah Seberang Perai Utara
Tarikh: 18 Ogos 2014

- iii. Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 19 Januari 2015, sebagai langkah penambahbaikan, PDTTL telah menyediakan cash box dan buku aliran tunai. Manakala, PDTSPU telah membuat pembelian peti wang tunai berkunci bagi penyimpanan selamat wang tunai. Di samping itu, hanya 2 orang juruwang akan ditugaskan bagi melaksanakan urusan pembayaran wang tunai untuk setiap fasa pembayaran di PDT manakala petugas lain ditugaskan membuat semakan serta pengesahan surat jemputan/baucar dan buku bayaran.

Pada pendapat Audit, kawalan penyimpanan dan pengendalian wang bantuan kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan.

b. Pengagihan Wang Sumbangan Di Bank

Salah satu kaedah pengagihan wang sumbangan adalah secara tunai di bank. Bagi tujuan ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan kerjasama dengan Maybank Berhad. Sebelum fasa pembayaran dibuat, PDT akan mengemukakan surat arahan dan buku bayaran kepada cawangan bank yang terlibat. Surat arahan tersebut menetapkan peraturan yang perlu dipatuhi oleh pihak bank semasa membuat pengagihan sumbangan. Manakala buku bayaran pula digunakan sebagai akuan penerimaan wang sumbangan.

i. Baki Wang Sumbangan Lewat Dikutip

- Mengikut surat arahan yang dikeluarkan oleh PDT kepada bank, baki wang sumbangan yang tidak dapat diagihkan setelah tamat tempoh pembayaran hendaklah berdasarkan bilangan penerima yang tidak menerima bayaran seperti di rekod buku bayaran. Kutipan buku bayaran serta surat jemputan/baucar akan dilaksanakan oleh PDT pada tarikh yang ditetapkan. Menurut PDT kutipan baki wang sumbangan juga akan dibuat pada hari yang sama. Semakan Audit mendapati PDT lewat mengutip baki wang sumbangan antara tempoh 3 dan 38 hari seperti di **Jadual 3.7**. Kelewatan mengutip wang di bank oleh PDT disebabkan oleh prosedur kerja mengenai kutipan baki wang sumbangan tidak dinyatakan dalam garis panduan. Akibatnya sejumlah RM1.01 juta lewat diakaunkan ke akaun Kerajaan Negeri.

Jadual 3.7
Baki Wang Sumbangan Lewat Dikutip

Program	Daerah	Fasa/ Tahun	Baki Wang Sumbangan (RM)	Tempoh Kelewatan (Hari)
Penghargaan Warga Emas	Timur Laut	1/2012	270,200	13 - 30
		1/2013	292,200	20 - 33
		1/2014	58,500	20
	Seberang Perai Utara	1/2013	63,700	10 - 38
		1/2014	25,700	7
	Skim Pelajar Emas	1/2012	80,200	7
		2/2012	75,100	7
		1/2013	79,700	4
		1/2013	38,200	3 - 12
	Perai Utara	1/2014	29,200	24 - 26
Jumlah			1,012,700	

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut Dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara

- Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 19 Januari 2015, petugas PDT akan menghubungi bank sebelum kutipan dibuat dan akan membuat kutipan setelah pihak bank selesai proses mengimbangkan baki wang sumbangan yang perlu dikembalikan. Tarikh kutipan sebenar terikat kepada kemampuan pihak bank membuatimbangan bayaran berbanding tunai yang telah dikeluarkan. Walaupun usaha melalui surat dan panggilan telefon dibuat, keterikatan dengan tindakan bank menyumbang secara langsung kepada kelewatan kutipan baki wang sumbangan.

ii. Baki Wang Sumbangan Lewat Dimasukkan Ke Bank

- Semakan Audit mendapati baki wang sumbangan yang tidak diagihkan lewat dimasukkan ke bank oleh PDT antara 8 dan 22 hari seperti di **Jadual 3.8**. Kelewatan ini berlaku kerana kurang pemantauan daripada pegawai atasan yang menyebabkan sejumlah RM232,200 lewat diakaunkan. Selain itu, cek yang lewat dibankkan terdedah kepada risiko kehilangan.

Jadual 3.8
Baki Wang Sumbangan Lewat Dimasukkan Ke Bank

Program	Daerah	Fasa/ Tahun	Baki Wang Sumbangan (RM)	Tempoh Kelewatan (Hari)
Penghargaan Warga Emas	Seberang Perai Utara	1/2013	156,400	18 - 22
Skim Pelajar Emas	Seberang Perai Utara	1/2012	46,700	18 - 19
		2/2012	29,100	8 - 11
Jumlah			232,200	

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut Dan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara

- Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 19 Januari 2015, amalan yang diperaktikkan di PDT setelah mengutip cek baki wang sumbangan daripada pihak bank adalah membuat penyusunan dan kiraan surat jemputan/baucar bagi memastikan ketepatan jumlah baki wang sumbangan yang dikembalikan. Semakan surat jemputan/baucar ini juga diselaraskan dengan buku bayaran. PDT akan mengambil tindakan serta-merta bagi memastikan baki wang sumbangan dimasukkan ke bank dalam tempoh satu minggu daripada tarikh dikembalikan oleh bank bagi mematuhi AP 78(a) walaupun proses penyusunan dan kiraan surat jemputan/baucar serta semakan dengan buku bayaran belum selesai.

c. Maklumat Pembayaran Lewat Dikemas kini Dalam Sistem i-Sejahtera

- i. Garis panduan menetapkan pengemaskinian pembayaran dalam sistem i-Sejahtera hendaklah dibuat oleh PDT dan JKM dalam tempoh 14 hari selepas tamat setiap sesi pembayaran. Maklumat seperti tarikh dan fasa pembayaran akan dikemas kini ke dalam sistem i-Sejahtera. Setelah pengesahan dibuat status pembayaran penerima akan bertukar kepada ‘SELESAI BAYAR’. Nama penerima yang berstatus ‘SELESAI BAYAR’ tidak akan di senarai untuk fasa pembayaran berikutnya. Proses ini perlu dilaksanakan bagi memastikan status pembayaran menunjukkan bayaran telah selesai dibuat dan juga bagi mengenal pasti bilangan penerima yang masih belum menerima atau menuntut bayaran. Melalui proses pengemaskinian ini pembayaran berganda kepada penerima akan dapat dielakkan.
- ii. Bagi tahun 2012 hingga 2014 sebanyak 302,266 maklumat pembayaran lewat dikemas kini oleh PDT dan JKM melebihi 14 hari dari tarikh pembayaran. Tempoh kelewatan adalah antara 1 dan 755 hari. Bagi tahun 2012 daripada 104,616 pembayaran 98,382 maklumat pembayaran atau 94% lewat dikemas kini. Manakala bagi tahun 2013, sebanyak 115,674 atau 88.1% daripada 131,347 pembayaran lewat dikemas kini. Bagi tahun 2014 pula daripada 102,490 pembayaran, 88,210 maklumat pembayaran atau 86.1% lewat dikemas kini. Butiran seperti di **Jadual 3.9**. Menurut PDT, memandangkan jumlah penerima sumbangan yang besar, pengemaskinian maklumat pembayaran dibuat secara berterusan dan tidak terhad dalam tempoh 14 hari sahaja seperti yang ditetapkan dalam garis panduan. Sementara itu, kesukaran mengenal pasti KADUN penerima bantuan menyebabkan JKM lewat mengemas kini maklumat pembayaran. Kelewatan ini boleh mengakibatkan risiko berlakunya pembayaran berganda.

Jadual 3.9
Maklumat Pembayaran Yang Lewat Dikemas kini

Bil.	Program	Daerah	Bilangan Data Penerima Bayaran Yang Lewat Dikemas kini				Tempoh Kelewatan (Hari)
			Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014 (Sehingga Oktober)	Jumlah	
1.	Penghargaan Warga Emas	Timur Laut	53,843	62,612	37,119	153,574	1 - 755
		Seberang Perai Utara	25,268	26,264	27,631	79,163	1 - 310
2.	Bantuan Ibu Tunggal	Timur Laut	2,028	1,444	3,523	6,995	3 - 46
		Seberang Perai Utara	1,360	897	2,541	4,798	3 - 39
3.	Sumbangan Anak Emas	Timur Laut	TB	TB	5	5	5 - 34
		Seberang Perai Utara	TB	TB	921	921	5 - 21
4.	Bantuan OKU	Timur Laut					
		Seberang Perai Utara	523	2,065	766	3,354	8 - 722
5.	Skim Pelajar Emas	Timur Laut	10,261	11,754	7,854	29,869	3 - 193
		Seberang Perai Utara	5,099	10,638	7,850	23,587	1 - 66
Jumlah			98,382	115,674	88,210	302,266	

Sumber: Data Sistem i-Sejahtera

TB - Tidak Berkenaan

iii. Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 19 Januari 2015, proses pengemaskinian maklumat pembayaran bagi PDT dibuat berdasarkan kepada kemampuan menggerakkan kakitangan Bahagian Pembangunan. Kakitangan yang sama juga mempunyai tugas hakiki masing-masing. Setiap fasa pembayaran melibatkan bilangan penerima yang ramai. Oleh yang demikian, tempoh 14 hari yang ditetapkan dalam garis panduan tidak dapat dipatuhi. Mesyuarat Penetapan Tarikh Bayaran bagi semua program 2015 yang diadakan pada 23 Disember 2014 telah menetapkan tarikh pembayaran sumbangan. Justeru itu, tiada lagi kelewatan tempoh bagi pengemaskinian dan pengesahan pembayaran. Kelewatan proses pengemaskinian dan pengesahan maklumat pembayaran di JKM pula disebabkan oleh pengesahan pembayaran perlu dibuat mengikut KADUN sedangkan laporan EFT yang diterima dari bank adalah mengikut daerah. Pendaftar terpaksa meneliti satu persatu kes dan mengenal pasti KADUN pemohon sebelum dapat membuat pengemaskinian dan pengesahan maklumat pembayaran dalam sistem. Perkara ini juga akan diterangkan dalam seminar/bengkel yang akan diadakan pada bulan Mac 2015.

Pada pendapat Audit, pengendalian baki wang sumbangan yang tidak diagihkan dan pengemaskinian maklumat pembayaran adalah kurang memuaskan.

3.4.2. Pemantauan Program Oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang (UPEN)

3.4.2.1. UPEN sebagai penyelaras bertanggungjawab membuat pemantauan terhadap pelaksanaan program. Pemantauan dibuat melalui mesyuarat penyelaras yang diadakan secara berkala. Semakan mendapati UPEN sebagai urus setia mesyuarat tidak menyelenggarakan rekod dan minit mesyuarat dengan teratur menyebabkan agensi pelaksana sukar membuat rujukan sekiranya terdapat masalah dalam pelaksanaan program. Ini kerana keputusan mesyuarat perlu dirujuk memandangkan garis panduan tidak memperincikan perkara seperti tarikh *cut off* untuk pendaftaran, kes khas yang memerlukan kelulusan YB EXCO serta proses kerja permohonan dan pembayaran.

3.4.2.2. Di samping itu, UPEN menyediakan garis panduan untuk kegunaan agensi pelaksana bagi memastikan pelaksanaan program berjalan dengan lancar. Semakan Audit mendapati garis panduan ini tidak disediakan secara terperinci terutamanya dari aspek proses permohonan dan pembayaran. Perkara ini menyebabkan pelaksanaan proses kerja di agensi pelaksana tidak seragam.

3.4.2.3. Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 19 Januari 2015, mesyuarat penyelarasan program yang diadakan turut membincangkan semua perkara termasuk agenda yang perlu dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Program Kebajikan Negeri Pulau Pinang. Kedua-dua mesyuarat ini mempunyai ahli yang sama dan dengan itu mesyuarat penyelarasan program bertindak merangkumi perbincangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Program Kebajikan Negeri Pulau Pinang seperti maklum balas agensi pelaksana serta laporan prestasi program. Bagi memastikan masalah yang dihadapi oleh agensi pelaksana dapat dibincangkan secara teliti, UPEN telah mengedarkan satu format laporan kepada agensi pelaksana untuk melaporkan keseluruhan masalah, kelemahan dan juga cadangan penambahbaikan bagi memastikan pelaksanaan semua program berjalan lancar. Selain itu, mesyuarat *post mortem* melibatkan semua program akan dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali dalam setahun. UPEN juga akan memastikan rekod dan minit mesyuarat diselenggarakan dengan teratur mengikut bilangan (siri) mesyuarat. Garis panduan ini diakui tidak terperinci dan UPEN akan mengambil tindakan bagi memasukkan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam teguran Audit dalam draf garis panduan yang baru.

Pada pendapat Audit, UPEN perlu memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pelaksanaan program terutama daripada aspek pemantauan dan pelaksanaan mesyuarat penyelarasan program.

3.4.3. Pengesahan Maklumat Pembayaran Dalam Sistem i-Sejahtera Tidak Mengikut Proses Kerja

3.4.3.1. Bagi memudahkan pelaksanaan program Bantuan Kebajikan Rakyat, sistem i-Sejahtera telah dibangunkan pada tahun 2009 untuk tujuan pengumpulan data, memudahkan proses pendaftaran dan pembayaran serta mengelakkan duplikasi data pemohon. Mengikut aliran proses kerja yang telah ditetapkan apabila pembayaran sumbangan selesai, pengemaskinian maklumat pembayaran akan dibuat oleh pendaftar dan maklumat tersebut akan disahkan oleh pegawai pengesah. Semakan Audit terhadap maklumat pembayaran dalam sistem i-Sejahtera bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 mendapati 2,028 maklumat pembayaran telah disahkan oleh pegawai pengesah lebih awal daripada tarikh daftar. Selain itu, terdapat 3,181 maklumat pembayaran telah dibuat pengesahan lebih awal dari tarikh pembayaran. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.10**. Selain tidak selaras dengan proses kerja yang telah ditetapkan, perkara ini juga menyebabkan maklumat pembayaran dalam sistem tidak tepat.

Jadual 3.10
Pengesahan Maklumat Pembayaran Tidak Mengikut Proses Kerja

Bil.	Program	Daerah	Bilangan Maklumat Penerima	
			Tarikh Pengesahan Lebih Awal Dari Tarikh Daftar	Tarikh Pengesahan Lebih Awal Dari Tarikh Pembayaran
1.	Penghargaan Warga Emas	Timur Laut	2,028	63
		Seberang Perai Utara	0	22
2.	Bantuan Ibu Tunggal	Timur Laut	0	5
		Seberang Perai Utara	0	1,132
3.	Sumbangan Anak Emas	Timur Laut	0	1
		Seberang Perai Utara	0	2
4.	Bantuan OKU	Timur Laut	0	202
		Seberang Perai Utara		
5.	Skim Pelajar Emas	Timur Laut	0	10
		Seberang Perai Utara	0	1,744
Jumlah			2,028	3,181

Sumber: Data Sistem i-Sejahtera

3.4.3.2. Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 19 Januari 2015, isu ini timbul kerana kurang kefahaman berhubung sistem oleh pendaftar yang menyebabkan kesilapan semasa mengemas kini tarikh pembayaran apabila tarikh ditaip dan sistem mentafsirkan secara berlainan. Penambahbaikan telah dilaksanakan dengan pengguna diwajibkan memilih tarikh daripada sistem dan fungsi menaip tarikh telah dinyah aktifkan (*disable*).

3.4.4. Kajian Impak Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang Oleh *Penang Institute*

3.4.4.1. *Penang Institute* telah dilantik untuk melaksanakan Kajian Impak Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengenal pasti impak pelaksanaan terhadap program yang telah dilaksanakan. Antara program yang diberi tumpuan dalam pelaksanaan kajian ini adalah Program Penghargaan Warga Emas. Satu perjanjian telah ditandatangani antara UPEN bagi mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada bulan September 2013 supaya kajian tersebut dilaksanakan secara tersusun sementara UPEN bertindak sebagai penyelaras dan memantau pelaksanaan kajian. Kajian ini melibatkan 4 peringkat iaitu bagi Laporan Insepsi, Laporan Interim, draf Laporan Akhir dan Laporan Akhir.

3.4.4.2. Laporan Interim bagi tempoh Oktober 2013 hingga Februari 2014 yang dikeluarkan oleh *Penang Institute* pada bulan Februari 2014 melaporkan secara ringkas masalah berkaitan pelaksanaan program Penghargaan Warga Emas seperti kekurangan komunikasi di antara UPEN dan PDT, kekurangan sumber manusia di UPEN dan PDT bagi mengendalikan program, masalah pembayaran di bank dan kelewatan pengemaskinian maklumat bayaran disebabkan bilangan pemohon yang ramai. Mengikut laporan interim tersebut, laporan akhir dijangka dapat dikemukakan dalam bulan September 2014. Bagaimanapun laporan akhir masih belum dapat dikeluarkan kerana kajian ini telah dilanjutkan sehingga bulan Mac 2015.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Program Kebajikan Rakyat dapat dipertingkatkan adalah disyorkan UPEN dan PDT mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Menambahbaik Garis Panduan Program-program Kebajikan i-Sejahtera daripada aspek permohonan, pendaftaran, pembayaran, keselamatan wang tunai serta pengembalian wang sumbangan yang tidak dapat diagihkan. Pendaftaran permohonan perlu dibuat dengan segera supaya pemohon juga mendapat manfaat dengan segera.

3.5.2. Meningkatkan kawalan keselamatan terhadap penyimpanan dan pengendalian wang tunai semasa pembayaran dan selepas pembayaran dibuat.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
23 Februari 2015



www.audit.gov.my

Jabatan Audit Negara Malaysia

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, 62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya